



**UCAPAN BAJET 2019**

**OLEH**

**Y.A.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL**

**KETUA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN SABAH**

**DI**

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**PADA**

**09 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**BERSAMAAN 01 RABIULAWAL 1440H**

**"MEMACU PERTUMBUHAN BERPAKSIKAN RAKYAT"**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Tuan Speaker,

1. Dengan segala hormatnya, saya mohon membentangkan Bajet Negeri Sabah Tahun 2019 untuk kelulusan Dewan Yang Mulia ini.

### **MUKADIMAH**

2. Saya merafakan syukur ke hadrat Allah Subhana wa Taala, kerana dengan izinNya juga, saya dapat membentangkan Bajet Negeri Sabah Tahun 2019 dalam Dewan Yang Mulia ini. Bajet tersebut adalah yang pertama bagi Kerajaan yang baharu sejak menerajui tumpuk pemerintahan di Sabah pada pertengahan tahun ini. Peralihan kuasa kepada gabungan parti yang memerintah, telah memberikan mandat kepada Kerajaan hari ini untuk meneruskan tanggungjawab dan amanah membangunkan Sabah yang kita cintai dan mensejahterakan rakyatnya ke arah membina masa hadapan yang lebih sempurna.

Tuan Speaker,

3. Tahun 2018 ini merupakan tahun yang amat bermakna dan bersejarah kepada kita. Ini kerana rakyat jelata di seluruh negara termasuk Sabah yang inginkan perubahan telah memilih untuk beralih kepada gabungan parti pembangkang yang mendukung pemerintahan

yang bersih, adil, saksama dan berpaksikan rakyat. Hasrat dan keinginan rakyat pada keseluruhannya untuk membersihkan negara daripada berbagai isu, terutama sekali berkaitan masalah rasuah, akauntabiliti dan ketirisan telah mengakibatkan Barisan Nasional yang telah memerintah sejak enam dekad lalu ditolak oleh rakyat. Hal ini berlaku kerana rakyat mahukan perubahan iaitu peralihan daripada mentaliti, sikap dan kebiasaan lama kepada yang baharu. Apa yang jelas, rakyat berkehendakkan Kerajaan yang bukan sahaja bersih, cekap dan amanah tetapi juga peka kepada keluhan serta keperluan sebenar rakyat di berbagai lapisan masyarakat yang semakin kompleks dan meningkat.

4. Rakyat telah menyatakan rasa tidak puas hati kepada segala kepincangan dalam pemerintahan Kerajaan terdahulu. Oleh itu, Kerajaan Sabah hari ini berhadapan dengan cabaran besar dalam memastikan harapan rakyat dan janji-janji dalam manifesto dapat direalisasikan dalam tempoh yang munasabah. Dalam hubungan ini, Kerajaan Sabah memikul tanggungjawab dan amanah yang berat di dalam memenuhi aspirasi rakyat yang menginginkan pembangunan dan peningkatan taraf hidup dalam suasana mencabar ekoran kenaikan kos sara hidup sama ada di bandar ataupun luar bandar. Sungguhpun demikian, Kerajaan kini beriltizam untuk membuat yang terbaik dalam melaksanakan perubahan dan penambahbaikan demi kemakmuran dan kehidupan yang lebih baik bagi rakyat Sabah keseluruhannya. Saya sedar bahawa langkah ini bukan mudah kerana ada kalanya tindakan tidak popular terpaksa diambil oleh Kerajaan bagi memberi laluan kepada perubahan dan penambahbaikan yang disasarkan.

5. Hari ini, hampir genap enam bulan Kerajaan pimpinan saya memegang tampuk pemerintahan di Sabah. Tempoh 100 hari yang dijanjikan dalam manifesto untuk membuat beberapa langkah perubahan telahpun berlalu. Bagaimanapun, Kerajaan telah berusaha melakukan sebaik yang mungkin. Namun demikian, terdapat juga janji-janji dalam manifesto tersebut yang belum berjaya direalisasikan sepenuhnya akibat kekangan-kekangan tertentu yang dihadapi, misalnya berkaitan aspek dasar, kewangan dan pengurusan. Selain itu terdapat juga perkara-perkara yang memerlukan masa untuk diteliti atau dikaji lebih lanjut sebelum sesuatu keputusan muktamad boleh diambil. Sungguhpun demikian, saya dengan berbesar hati memaklumkan Dewan Yang Mulia ini bahawa Kerajaan telah mencapai beberapa kejayaan di dalam menunaikan janji-janji tersebut.

6. Selaras manifesto dan hasrat murni untuk memperkasakan modal insan, menjaga kepentingan dan hak-hak Anak Negeri serta meningkatkan lagi tahap kesejahteraan rakyat di Sabah, Kerajaan kini telahpun melaksanakan janji untuk mewujudkan tiga kementerian baharu iaitu Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat; Kementerian Pelajaran dan Innovasi; dan Kementerian Undang-undang dan Hal-Ehwal Anak Negeri.

7. Di samping itu, Kerajaan juga telah menyemak semula dasar tanah **Geran Komunal** yang banyak menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan benefisiari Anak Negeri di Sabah. Kerajaan hari ini telah mengambil keputusan untuk memansuhkan Geran Komunal dengan matlamat utama menambahbaik pemberian hak milik tanah kepada Anak Negeri di Sabah. Kerajaan melalui Jabatan Tanah dan Ukur akan

melaksanakan pembatalan geran-geran komunal tersebut secara berperingkat di seluruh Sabah bermula bulan Disember 2018. Selepas pembatalan dilaksanakan, tanah-tanah bekas Geran Komunal itu akan diukur kepada lot-lot yang akan diagihkan kepada benefisiari Anak Negeri. Lot-lot tersebut akan dikeluarkan **Geran Anak Negeri** (*Native Title*) dan akan dikenakan syarat-syarat nyata yang antaranya adalah seperti berikut (dengan izin Tuan Speaker):

- (1) *Transfer of this title is prohibited except by inheritance or succession;*
- (2) *Sub-division, sublease and charge of this title is prohibited; and*
- (3) *No right or powers granted by this title shall be transferred by the appointment of power of attorney or other means.*

Tuan Speaker,

8. Sejurus selepas mengambil alih tumpuk pemerintahan, Kerajaan hari ini juga telah mengambil beberapa langkah “**redressal**” yang dilakukan untuk mengukuhkan pengurusan sumber kewangan negeri. Beberapa projek besar telah dikaji semula dengan tujuan menambahbaik pelaksanaan supaya lebih menjimatkan, mengelakkan perjanjian berat sebelah yang akan merugikan Kerajaan, mengurangkan ketirisan dan kuasa monopoli bagi memastikan manfaat serta faedah projek benar-benar sampai kepada golongan sasaran dan rakyat amnya secara maksimum. Kerajaan juga telah dan akan berusaha bersungguh-sungguh merundingkan semula beberapa perjanjian lalu bagi mempastikan semua urusan tersebut memihak kepada kepentingan awam. Selain itu, kita juga akan meneruskan rundingan dengan

Kerajaan Persekutuan mengenai hak-hak Sabah seperti dalam Perlembagaan dan Perjanjian Malaysia 1963 (*Malaysia Agreement 1963*).

Tuan Speaker,

9. Kerajaan hari ini juga amat mengambil berat dan memberi perhatian serius ke atas laporan yang dikeluarkan oleh “*Intergovernmental Panel on Climate Change*” (IPCC). Laporan tersebut telah memberi amaran mengenai kesan-kesan buruk perubahan iklim dunia yang bakal terjadi dalam tahun-tahun mendatang. Sejak mengambil alih pentadbiran pada bulan Mei tahun ini, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa pendekatan drastik dan berani dalam usaha melindungi alam sekitar dan mewujudkan “**ekonomi hijau**” di Sabah. Ini termasuklah mengharamkan eksport kayu balak (*round logs*) bagi memberi keutamaan dan menggalakkan industri hiliran kayu-kayan bernilai tinggi di Sabah dan membekukan aktiviti pertanian industri di atas tanah-tanah Hutan Simpan.

10. Cara pentadbiran Kerajaan Sabah terdahulu menjadi contoh terbaik bagi pengurusan sumber-sumber semulajadi yang tidak mampan. Saya mengatakan demikian kerana terlalu banyak tumpuan telah diberikan kepada pengeksplotasian sumber-sumber berkenaan dan terlalu sedikit pula perhatian diberikan ke atas kesan-kesan negatif tindakan tersebut. Kini rakyat Sabah membayar harga yang tinggi akibat amalan tidak berpandangan jauh ke hadapan. Sesetengah komuniti telah menderita akibat masalah banjir yang disebabkan oleh pengurusan lanskap yang lemah. Manakala, sesetengah komuniti di luar bandar pula

telah terpinggir daripada menikmati pembangunan. Saya menyeru agar rakyat Sabah bersabar kerana pentadbiran Kerajaan hari ini sedang berusaha sedaya-upaya untuk memperbetulkan kesilapan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri terdahulu.

11. Saya melihat bahawa Sabah mempunyai kapasiti untuk menjadi “**sinki karbon**” (*carbon sink*) selaras dengan penemuan laporan Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim (IPCC). Kita bernasib baik kerana Sabah masih memiliki kawasan hutan primer yang luas. Sungguhpun begitu, adalah menjadi hasrat Kerajaan hari ini untuk menanam dan menumbuhkan lebih banyak kawasan hutan bagi menyediakan habitat yang selamat bagi flora dan fauna ikonik kita. Saya menyedari bahawa Sabah tidak akan dapat melakukan perkara ini sendirian. Oleh itu, saya mengalu-alukan penglibatan komuniti global untuk sama-sama berganding bahu dan bekerjasama dalam mewujudkan sinki karbon tersebut di Sabah.

12. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Sabah adalah antara tempat yang mempunyai ekosistem tertua di dunia. Kawasan-kawasan yang dilindungi seperti Maliau Basin dan Danum Valley adalah sebahagian dari kawasan-kawasan terpenting dunia untuk biodiversiti tropika. Berbeza daripada pendekatan pentadbiran terdahulu yang telah menumpu kepada “Kawasan Dilindungi Sepenuhnya” (*Totally Protected Area*), Kerajaan hari ini akan menyediakan Pelan Gunatanah yang akan memenuhi keperluan serampang dua mata iaitu pembangunan dan juga konservasi.

Tuan Speaker,

13. Saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB. Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad yang telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia untuk kali Ke-2 dalam era Malaysia baharu. Kerajaan Negeri menghargai keprihatinan Kerajaan Pusat dalam menyediakan bantuan kewangan kepada Sabah secara berterusan. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memberikan peruntukan pembangunan sebanyak **RM5 bilion** kepada Sabah untuk tahun 2019. Peruntukan tersebut melibatkan kenaikan sebanyak **RM876 juta** berbanding **RM4.13 bilion** yang diberikan kepada Sabah dalam tahun 2018. Peruntukan berkenaan antara lainnya adalah untuk pembinaan dan naiktaraf infrastruktur air, elektrik dan jalan raya, kemudahan kesihatan dan pendidikan, pembangunan koridor Sabah dan projek Lebuh Raya Pan Borneo yang diteruskan pelaksanaannya. Bagaimanapun, memandangkan kita masih ketinggalan jauh dari segi pembangunan, maka Sabah sebenarnya memerlukan peruntukan yang lebih besar daripada jumlah itu.

14. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Persekutuan kerana berjaya merangka dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi yang holistik, progresif dan berketerangkuman di bawah Kajian Separuh Penggal - Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11), 2016-2020. Selain inisiatif untuk meningkatkan keyakinan pelabur, memantapkan kembali kedudukan kewangan dan menangani isu-isu kritikal seperti hutang negara, strategi rancangan tersebut turut

menekankan usaha melonjakkan pertumbuhan ekonomi dan mempercepatkan lagi pembangunan di Sabah.

## **PRESTASI DAN PROSPEK PERTUMBUHAN EKONOMI DUNIA DAN MALAYSIA**

Tuan Speaker,

15. Berdasarkan kepada laporan bulan Oktober, 2018 *International Monetary Fund (IMF)*, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ekonomi dunia bagi tahun 2018 dan 2019 diramal akan bertumbuh pada kadar 3.7 peratus. Keadaan ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan sederhana yang diunjurkan bagi Negara-negara Maju; Negara-negara Membangun dan Negara-negara Pasaran Baru Muncul.

16. Setelah mengalami pertumbuhan ketara pada tahun 2017, ekonomi Negara-negara Kesatuan Eropah diramal akan mengalami pertumbuhan yang lebih sederhana pada kadar 2.0 peratus pada tahun 2018 dan 1.9 peratus pada tahun 2019. Ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan perlahan yang dicatatkan oleh sektor eksport negara-negara tersebut. Ekonomi Amerika Syarikat bagaimanapun, dijangka akan kekal kukuh dan diunjur berkembang pada kadar 2.9 peratus dalam tahun 2018 berbanding 2.2 peratus pada tahun 2017, sebelum merekod pertumbuhan sederhana sebanyak 2.5 peratus pada tahun 2019.

17. Pada masa sama, ekonomi negara China diramal akan mengalami pertumbuhan sederhana pada kadar 6.2 peratus dalam tahun 2019.

Manakala, ekonomi negara India pula diramal akan merekod pertumbuhan afirmatif daripada 7.3 peratus pada tahun 2018 kepada 7.4 peratus pada tahun 2019, lantaran hasil daripada pembaharuan struktur ekonomi negara tersebut.

18. Walaupun berdepan dengan iklim ekonomi dunia yang tidak menentu, ekonomi Malaysia dijangkakan akan bertumbuh pada kadar 4.9 peratus pada tahun 2019. Defisit fiskal negara pula dijangka akan mencecah 3.7 peratus pada tahun 2018 akibat komitmen perbelanjaan oleh kerajaan terdahulu.

19. Seperti mana dimaklumkan semasa pembentangan Bajet Negara 2019 baru-baru ini, pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan komited untuk mengurangkan defisit fiskal negara kepada 3.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2019 dan seterusnya kepada 3.0 peratus pada tahun 2020 dan 2.8 peratus pada tahun 2021, melalui pelaksanaan langkah-langkah konsolidasi fiskal. Bagi tahun 2019, hutang rasmi Kerajaan Persekutuan daripada peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar dijangka mencapai 51.8 peratus. Manakala, jumlah liabiliti dijangka akan berkurang kepada 73.5 peratus.

## **PRETASI DAN PROSPEK EKONOMI SABAH**

Tuan Speaker,

20. Sukacita saya memaklumkan Dewan Yang Mulia ini bahawa sungguhpun berhadapan dengan pelbagai cabaran, ekonomi Sabah kekal kukuh dan berdaya tahan. Pada tahun 2017, Sabah telah mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak **8.2 peratus** dengan jumlah nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencecah **RM79.9 bilion**. Sabah telah mencatatkan pertumbuhan melebihi kadar pertumbuhan KDNK nasional pada tahap 5.9 peratus dalam tahun yang sama. Pencapaian ini adalah lebih baik berbanding tahun-tahun yang lepas meletakkan Sabah pada kedudukan kelima tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Pendapatan per kapita di Sabah juga telah meningkat kepada RM23,979 pada tahun 2017 berbanding RM21,086 dalam tahun 2016.

21. Secara keseluruhannya, prestasi ekonomi yang memberangsangkan ini disumbangkan oleh pertumbuhan positif sektor-sektor utama di Sabah. **Sektor Perkhidmatan** (termasuk perkhidmatan pelancongan dan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan) kekal sebagai penyumbang utama dan terbesar dengan sumbangan sebanyak **39.9 peratus** kepada ekonomi Sabah pada tahun 2017. Sektor pelancongan yang rancak dan berdaya tahan menjadi pemangkin kepada prestasi sektor perkhidmatan yang memberangsangkan. Prospek sektor pelancongan pada tahun hadapan dijangka cerah ekoran pelbagai program yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memajukan lagi sektor tersebut di Sabah.

Tuan Speaker,

22. **Sektor Perlombongan dan Perkuarian** juga menyumbang secara signifikan kepada ekonomi Sabah. Sektor ini menyumbang sebanyak **31.3 peratus** kepada KDNK negeri pada tahun 2017. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, nilai eksport petroleum mentah telah merekodkan pertumbuhan sebanyak 44.2 peratus untuk mencapai RM16.8 bilion berbanding RM11.7 bilion dalam tempoh yang sama tahun lepas. Ini didorong oleh nilai pengeluaran dan harga-harga petroleum mentah yang lebih tinggi. Usaha berterusan untuk mempergiatkan lagi aktiviti di lapangan-lapangan minyak sedia ada seperti telaga minyak laut dalam Gumusut-Kakap dan Malikai serta meneroka lebih banyak lapangan minyak baru dijangka akan meningkatkan lagi sumbangan sektor perlombongan kepada ekonomi Sabah pada tahun hadapan.

Tuan Speaker,

23. **Sektor Pertanian** masih lagi penting dan relevan kepada ekonomi Sabah. Sektor ini menyumbang sebanyak **18.7 peratus** kepada jumlah KDNK negeri pada tahun 2017. Subsektor tanaman yang didominasi oleh tanaman kelapa sawit merupakan pemangkin dan menyumbang utama sebanyak 78.5 peratus kepada prestasi sektor pertanian. Ini diikuti oleh subsektor perikanan sebanyak 13.3 peratus. Manakala, subsektor perhutanan dan pembalakan serta subsektor ternakan masing-masing menyumbang sebanyak 4.6 peratus dan 3.6 peratus kepada prestasi sektor pertanian pada tahun 2017. Pelaksanaan Dasar Pertanian Sabah Ketiga yang memberi penekanan kepada pemodenan

dan industri hiliran asas tani serta peningkatan produktiviti pengeluaran hasil-hasil tanaman, perikanan dan ternakan berpremium tinggi dijangka akan meningkatkan lagi sumbangan sektor pertanian kepada pertumbuhan ekonomi Sabah pada tahun 2019.

Tuan Speaker,

24. Prestasi **Sektor Pembuatan** juga dijangka kekal stabil. Sektor tersebut menyumbang sebanyak 7.3 peratus kepada KDNK Sabah Pada tahun 2017. Minyak sawit mentah dan minyak sawit bertapis merupakan antara penyumbang utama kepada subsektor minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan serta pemprosesan makanan, menyumbang sebanyak 68 peratus terhadap sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK Sabah pada tahun 2017. Sungguhpun jumlah pengeluaran dan nilai eksport bagi minyak sawit mentah telah mencatatkan penurunan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, namun, sumbangan minyak sawit kepada sektor pembuatan dijangka akan meningkat pada tahun hadapan ekoran usaha giat yang sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk merancakkan lagi aktiviti hiliran minyak sawit bernilai tinggi di Palm Oil Industrial Cluster (POIC) Lahad Datu dan Sandakan. Selain itu, langkah Kerajaan memberhentikan buat sementara pengeksportan kayu balak dijangka akan meningkatkan lagi aktiviti industri hiliran berasaskan kayu kayan dan sumbangan industri tersebut kepada ekonomi Sabah.

Tuan Speaker,

25. Prestasi sektor perdagangan antarabangsa Sabah juga dijangka kekal *vibrant*. Dalam tujuh bulan pertama tahun ini, Sabah telah mencatatkan imbangan dagangan positif sebanyak RM15.2 bilion berbanding RM12.6 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu (2017) iaitu terdapat peningkatan sebanyak 20.9 peratus. Imbangan dagangan yang positif ini didorong oleh peningkatan dalam jumlah keseluruhan eksport negeri. Jumlah eksport tersebut telah meningkat sebanyak 11.5 peratus untuk mencecah nilai sebanyak RM33 bilion dalam tujuh bulan pertama tahun ini berbanding hanya RM29.6 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Tuan Speaker,

26. Pada tahun 2017, kadar pengangguran di Negeri Sabah telah direkodkan pada tahap 5.6 peratus iaitu telah meningkat sedikit sebanyak 0.2 peratus berbanding tahun 2016. Antara faktor yang menyumbang kepada masalah pengangguran di Sabah termasuklah sikap pencari pekerjaan yang terlalu memilih pekerjaan dan jawatan yang ditawarkan oleh majikan tidak sepadan dengan kelulusan dan kemahiran pencari pekerjaan. Justeru itu, Kerajaan Sabah komited untuk terus berusaha menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat demi menangani masalah pengangguran di Sabah. Kerajaan antara lainnya akan meningkatkan lagi penyediaan latihan dan kemahiran kepada rakyat untuk menjadikan para pencari pekerjaan lebih berdaya saing dan memenuhi keperluan pasaran serta menggalakkan rakyat, khususnya golongan belia untuk menceburkan

diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Di samping itu, Kerajaan juga beriltizam untuk menarik lebih banyak pelaburan demi menjana lebih banyak peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat.

Tuan Speaker,

27. Secara keseluruhannya, pertumbuhan ekonomi Sabah bagi tahun 2018 adalah diramalkan kekal stabil. Berdasarkan kepada momentum pertumbuhan positif sektor-sektor produktif, terutama sekali sektor perkhidmatan, termasuk pelancongan; serta sektor perlombongan dan perkuarian yang kukuh, ekonomi Sabah dijangka mengekalkan pertumbuhan positif pada kadar **5 hingga 6 peratus** pada tahun 2019.

## MATLAMAT DAN STRATEGI BAJET 2019

Tuan Speaker,

28. Bajet 2019 menekankan kepada strategi-strategi untuk meningkatkan lagi **pertumbuhan ekonomi negeri, yang diseimbangkan dengan usaha meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat**. Pembangunan dan pertumbuhan ekonomi amat penting dalam menjana hasil dan kekayaan negeri, yang mana ini selanjutnya menghasilkan pendapatan kepada Kerajaan untuk tujuan membiayai penyediaan perkhidmatan dan melaksanakan program pembangunan untuk rakyat.

29. Adalah menjadi hasrat Kerajaan pimpinan saya untuk mempastikan faedah pembangunan dan kemakmuran **dinikmati**

**bersama dan secara saksama** oleh rakyat Sabah. Oleh itu, segala program pembangunan yang dirancang dan akan dilaksanakan pada tahun 2019 perlulah bersifat “**inklusif**” dalam usaha memastikan tiada yang tercicir dan terpinggir dalam arus perdana pembangunan Malaysia baharu. Maka dengan itu, secara keseluruhannya, penyediaan Bajet 2019 ini melibatkan pengagihan sumber untuk mencapai matlamat **strategi-strategi perbelanjaan** seperti berikut:-

- (a) Meningkatkan pembangunan lanjut sektor-sektor produktif, termasuk menarik pelaburan bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan menjana pendapatan negeri;
- (b) Menangani ketidakseimbangan sosioekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat melalui pendekatan ”**inklusif**”;
- (c) Memusatkan pembangunan modal insan berkualiti melalui peningkatan pengetahuan, kemahiran, produktiviti dan inovasi;
- (d) Membangunkan pembolehdaya seperti infrastruktur asas fizikal, utiliti dan kemudahan awam, termasuk ICT bagi menyokong pengembangan ekonomi; dan
- (e) Memperkasa keupayaan, kecekapan serta keberkesanan pengurusan dan sistem penyampaian Kerajaan Sabah.

30. Bagi merealisasikan matlamat dan strategi-strategi tersebut, hubungan antara bajet dengan pelaksanaan dasar dan program pembangunan yang telah dirancang, termasuk juga **penyelarasaran**

**jentera pelaksanaan** di antara Kerajaan Sabah dengan Kerajaan Persekutuan akan dimantapkan lagi. Di samping itu, Kerajaan Sabah juga akan terus memastikan **kecekapan, kawalan dan disiplin fiskal**. Dalam hubungan ini, Kerajaan juga akan melaksanakan dasar **perbelanjaan berhemat**, termasuk menekankan budaya kerja yang efisien serta berintegriti ke arah **menutup ruang-ruang pembaziran, pemborosan dan ketirisan**.

## **TEMA BAJET 2019**

Tuan Speaker,

31. Apabila mengambil alih tumpuk pentadbiran, Kerajaan pimpinan saya menanam hasrat mendalam dan semangat tinggi untuk membuat perubahan dan membawa impak positif kepada kemajuan dan taraf hidup rakyat di Sabah. Agenda utama Kerajaan kini adalah untuk memantapkan kutipan hasil dan pendapatan awam. Jika pendapatan dapat ditambah, maka misi meningkatkan pembangunan berkemungkinan besar boleh dicapai dalam tempoh yang singkat. Saya melihat banyak hasil boleh diraih dan dikutip daripada sumber sedia ada dan sumber baru. Dalam hubungan ini, saya meminta kerjasama semua Pemungut-Pemungut Hasil (*Revenue Collectors*) untuk berusaha lebih gigih lagi untuk mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Bajet 2019 sebanyak **RM4.27 bilion**.

Tuan Speaker,

32. Kerajaan kini akan melaksanakan berbagai agenda dan program pembangunan untuk kesejahteraan rakyat. Kerajaan ingin melihat rakyat menikmati manfaat-manfaat dari segi ekonomi, termasuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam supaya semua lapisan masyarakat termasuk golongan belia, wanita, orang tua, orang istimewa serta orang awam keseluruhannya mudah memperoleh pekerjaan ataupun peluang-peluang bermiaga, yang mana ini akan mewujudkan “***multiplier effect***” kepada ekonomi kita.

33. Dengan niat murni tersebut, maka tema Bajet 2019 adalah **“Memacu Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat”**. Bagi merealisasikan maksud tema tersebut, Kerajaan mencadangkan peruntukan perbelanjaan sebanyak **RM4.16 bilion** pada tahun hadapan berbanding anggaran kutipan hasil sebanyak **RM4.27 bilion**. Ini bermakna Kerajaan telah merangka bajet berkedudukan lebihan atau **“Surplus Budget”** melibatkan jumlah sebanyak **RM105.32 juta**, yang mana ini penting dalam mengekalkan kestabilan kewangan negeri. Lebihan tersebut melibatkan kenaikan sebanyak **RM40.43 juta** atau bersamaan **62.31 peratus** berbanding tahun 2018 dan merupakan jumlah lebihan paling tinggi sejak 5 tahun yang lalu.

## **ANGGARAN KESELURUHAN HASIL DAN PERBELANJAAN 2019**

### **ANGGARAN HASIL 2019**

Tuan Speaker,

34. Seperti mana yang telah saya maklumkan sebelum ini, kutipan Hasil Kerajaan Sabah dianggarkan berjumlah **RM4,265 juta** pada tahun 2019. Jumlah ini melibatkan peningkatan sebanyak 2.3 peratus berbanding anggaran tahun 2018 sebanyak RM4,169.2 juta. Anggaran Hasil bagi tahun 2019 ini diklasifikasikan kepada tiga kategori utama iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil tersebut, sebanyak RM1,125.6 juta atau 26.4 peratus adalah Hasil Cukai; RM2,735.9 juta atau 64.1 peratus adalah Hasil Bukan Cukai; dan RM403.5 juta atau 9.5 peratus adalah Terimaan Bukan Hasil.

35. Royalti petroleum dijangkakan kekal menjadi penyumbang tertinggi dengan sumbangannya merangkumi 37.5 peratus daripada jumlah keseluruhan anggaran hasil tahun 2019 dengan sasaran sebanyak RM1,600 juta. Ini adalah berdasarkan kepada bayaran yang telah diterima oleh Kerajaan pada tahun 2018 sebanyak RM1,606.6 juta. Untuk makluman, jumlah tersebut merupakan amaun tertinggi yang telah diterima dalam sejarah Sabah setakat ini. Jumlah berkenaan juga adalah melebihi anggaran tahun 2018 sebanyak RM1,318 juta, berikutan peningkatan harga dan pengeluaran komoditi berkaitan.

36. Cukai Jualan Minyak Kelapa Sawit (CPO) yang merupakan peneraju kategori Hasil Cukai, kekal sebagai penyumbang kedua tertinggi bagi hasil Kerajaan Sabah. Dengan keyakinan bahawa harga CPO boleh mencecah nilai RM2,400 per tan metrik dengan pengeluaran lebih daripada 5 juta tan metrik dalam tahun 2019, maka Kerajaan menjangkakan kutipan hasil sebanyak RM900 juta daripada sumber ini. Manakala, anggaran kutipan hasil tahun 2019 bagi Cukai Jualan Negeri ke atas tiket loteri dijangka kekal sama dengan anggaran tahun 2018 iaitu sebanyak RM60.0 juta.

Tuan Speaker,

37. Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2014 yang membenarkan Kerajaan Negeri mengenakan cukai ke atas komoditi perikanan yang dibawa keluar dari Sabah telahpun diwartakan sebelum ini. Namun, kutipan cukai tersebut belum dilaksanakan lagi. Bagaimanapun, disebabkan terdapat banyaknya aduan mengenai kekurangan bekalan ikan berkualiti tinggi untuk kegunaan tempatan, maka Kerajaan akan mengenakan agar cukai ke atas komoditi perikanan yang dibawa keluar dari Sabah akan dikutip mulai awal tahun 2019 pada kadar 5 peratus. Kerajaan menganggarkan sejumlah RM20 juta mampu dikutip pada tahun hadapan. Cukai ini tidak akan membebankan rakyat kerana tidak dikenakan ke atas penggunaan tempatan. Bahkan langkah ini akan dapat mempromosikan Sabah sebagai syurga makanan laut segar dan berkualiti pada harga yang murah di rantau ini.

Tuan Speaker,

38. Kategori Terimaan Bukan Hasil adalah terdiri daripada Terimaan dan Sumbangan Kerajaan Persekutuan. Bagi tahun 2019 Kerajaan Persekutuan dianggarkan menyumbang sebanyak RM403.2 juta, yang mana amaun ini merupakan 9.4 peratus daripada jumlah keseluruhan Anggaran Hasil Tahun 2019. Contoh terimaan dalam kategori ini ialah Pemberian Mengikut Kepala dan Pemberian Bagi Membayai Perbelanjaan Mengurus Jabatan-jabatan Di bawah Senarai Bersama. Sebagai makluman tambahan, sumbangan di bawah kategori ini hanyalah sebahagian daripada kemudahan kewangan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Sabah.

39. Syabas dan tahniah diucapkan kepada pihak Jabatan Pelabuhan dan Dermaga yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam kutipan hasil setiap tahun. Jabatan tersebut dijangka akan mengutip hasil sebanyak RM45.8 juta sehingga hujung tahun 2018, berbanding anggaran asal sebanyak RM33.6 juta bagi tempoh yang sama. Kenaikan ini adalah disebabkan oleh kutipan hasil ke atas penguatkuasaan pungutan Port and Harbour Dues yang telah bermula sejak 01 Jun 2018. Justeru itu, Anggaran Hasil tahun 2019 bagi jabatan ini adalah sebanyak RM45.4 juta.

40. Anggaran hasil bagi Jabatan Perhutanan adalah sebanyak RM149.5 juta pada tahun 2019, yang mana ini merupakan 3.5 peratus daripada jumlah keseluruhan anggaran hasil Sabah pada tahun hadapan. Jumlah ini menurun sedikit berbanding anggaran tahun sebelumnya. Satu daripada faktor utama yang menyumbang kepada

penurunan tersebut adalah pengharaman eksport kayu balak oleh Kerajaan Sabah bermula 23 Mei 2018 yang lalu. Selain itu, pulangan daripada *royalty agro-forestry* juga menurun akibat kejatuhan harga-harga jualan kelapa sawit dan getah.

41. Adalah menjadi tanggungjawab utama Kementerian Kewangan Sabah memastikan sumber kewangan mencukupi untuk menyokong keperluan bajet setiap tahun. Namun, perlu juga diingatkan bahawa tanggungjawab ini adalah dikongsi bersama dengan semua jabatan pemungut hasil. Sebagai contoh Jabatan Tanah dan Ukur dan Jabatan Air Negeri Sabah telah diberi sasaran kutipan hasil yang lebih tinggi pada tahun 2019. Kerajaan berharap pendekatan ini akan dapat merangsang kedua-dua jabatan untuk berusaha lebih gigih lagi untuk mengutip hasil khususnya dalam mengatasi masalah tunggakan hasil di bawah kawalan masing-masing.

42. Kita memperhatikan bahawa setelah pentadbirannya dirombak dan distrukturkan semula, Jabatan Air Sabah telah mengutip hasil sebanyak **RM66.8 juta** dalam tempoh tiga bulan daripada bulan Ogos sehingga penghujung Oktober 2018. Dengan penambahbaikan pentadbiran dan pengurusan tersebut, Jabatan Air akan dijangka mengutip hasil sebanyak RM330.2 juta pada tahun 2019. Amaun tersebut merangkumi 7.7 peratus daripada jumlah keseluruhan anggaran hasil tahun berkenaan. Peningkatan kutipan hasil tersebut sudah tentu akan membantu Kerajaan menyediakan peruntukan yang lebih tinggi bagi membiayai program-program peningkatan-kualiti, liputan dan bekalan air terawat di kawasan luar bandar yang masih lagi jauh daripada memuaskan.

43. Bagi Jabatan Tanah dan Ukur, Kerajaan telah menetapkan anggaran kutipan hasil sebanyak RM285 juta untuk tahun 2019. Jumlah ini adalah bersamaan dengan 6.7 peratus daripada jumlah keseluruhan Anggaran Hasil tahun yang sama. Manakala, Jabatan Hidupan Liar dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar masing-masing dijangka mengutip sebanyak RM20.8 juta dan RM4 juta pada tahun yang sama.

44. Hasil melalui Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan dijangkakan akan menurun dengan anggaran kutipan sebanyak RM369.5 juta bagi tahun 2019 berbanding RM453 juta pada tahun 2018. Penurunan ini berlaku ekoran penurunan dividen daripada Perbadanan-perbadanan Awam dan bayaran balik cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sumbangan kategori ini mewakili 8.6 peratus daripada sumbangan keseluruhan anggaran hasil pada tahun 2019.

Tuan Speaker,

45. Bagi memastikan sasaran Anggaran Hasil Tahun 2019 ini dapat dicapai dengan jayanya, kerjasama, komitmen dan usaha-usaha bersungguh-sungguh semua pihak amatlah diharapkan. Kesemua pihak yang berkenaan hendaklah juga mengkaji serta mengenalpasti punca kutipan hasil baharu sebagai usaha meningkatkan hasil Kerajaan.

## **ANGGARAN PERBELANJAAN PERBEKALAN 2019**

Tuan Speaker,

46. Bagi maksud melicin dan memantapkan pengurusan Kerajaan, sebanyak **RM4,159.68 juta** adalah dicadangkan untuk **Anggaran Perbekalan Tahun 2019**. Jumlah ini melibatkan peningkatan sebanyak **RM55.33 juta** atau **1.35 peratus** berbanding dengan anggaran asal tahun 2018 sebanyak RM4,104.35 juta. Jumlah tersebut terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Perbelanjaan Emolumen; Perbelanjaan Berulang; dan -Perbelanjaan Khas.

47. Daripada jumlah keseluruhan Anggaran Perbekalan 2019 tersebut, sejumlah **RM742.14 juta** disyorkan untuk **Emolumen**. Jumlah ini mencatatkan penurunan sebanyak RM21.53 juta atau 2.82 peratus berbanding dengan anggaran tahun 2018 berjumlah RM763.67 juta. Satu daripada sebab utama penurunan ini ialah pengurangan pembayaran gaji ekoran ramai kakitangan dan pegawai Kerajaan Sabah yang telah dan akan bersara. Selain itu, pengambilan pegawai dan kakitangan baharu juga melibatkan pembayaran gaji yang lebih rendah.

48. Manakala, **Perbelanjaan Berulang** disyorkan sebanyak **RM1,371.94 juta** untuk tahun 2019. Jumlah ini melibatkan peningkatan sebanyak RM71.09 juta atau 5.46 peratus berbanding anggaran tahun 2018 sebanyak RM1,300.85 juta. Kenaikan Perbelanjaan Berulang ini diperlukan bagi menampung kenaikan kos operasi yang antaranya disebabkan oleh pewujudan sebuah kementerian baharu sepenuhnya

iaitu Kementerian Undang-undang & Hal-Ehwal Anak Negeri dan Pejabat Daerah Kalabakan.

49. **Perbelanjaan Khas** pula telah disyorkan sebanyak **RM2,045.60 juta** untuk tahun 2019. Jumlah ini meningkat sebanyak RM5.77 juta atau bersamaan 0.28 peratus berbanding anggaran tahun 2018 yang berjumlah RM2,039.83 juta. Peningkatan Perbelanjaan Khas tahun 2019 adalah untuk pembelian kenderaan dan perahu; pengurusan loji air di bawah Kontrak *Outsource*; dan pembelian air dan perbelanjaan berkaitan dengan penswastaan air; serta caruman kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan sebanyak **RM800 juta**. Sebanyak **RM380 juta** lagi diperuntukkan bagi menambah caruman ke dalam Kumpulan Wang Amanah (*Sinking Fund*) untuk membolehkan pembayaran balik bon yang akan matang pada hujung tahun 2019.

## **ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2019**

Tuan Speaker,

50. **Perbelanjaan Pembangunan Negeri** merupakan satu daripada sumber atau faktor utama yang diperlukan untuk memacu pertumbuhan ekonomi negeri. Perbelanjaan ini diagih dan dikawal melalui Bajet Pembangunan. Peruntukan untuk tujuan ini diperolehi daripada sumbangan atau caruman Anggaran Perbekalan Negeri dan juga sumber kewangan Persekutuan dalam bentuk Pemberian dan Pinjaman.

51. Bagi maksud Perbelanjaan Pembangunan, saya mencadangkan supaya sebanyak **RM934.68 juta** diperuntukkan untuk tahun 2019.

Jumlah ini terdiri daripada **peruntukan Kerajaan Sabah** sebanyak **RM695.39 juta** dan **peruntukan Kerajaan Persekutuan** berjumlah **RM239.28 juta**. Peruntukan Persekutuan ini yang terdiri daripada Pemberian Pembayaran Balik berjumlah **RM59.53 juta** dan Pinjaman sebanyak **RM179.75 juta**.

52. Selaras dengan intipati Tema Bajet 2019, agihan peruntukan pembangunan untuk tahun hadapan tertumpu kepada **Sektor Ekonomi** sebagai penerima amaun terbesar iaitu sebanyak **RM470.07 juta** atau bersamaan dengan **68 peratus**. Ini diikuti oleh **Sektor Sosial** yang diagihkan sebanyak **RM208.03 juta** atau **30 peratus** dan seterusnya **Sektor Pentadbiran Am** sebanyak **RM17.29 juta** iaitu bersamaan **2 peratus** daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan untuk tahun hadapan.

## **PEMBANGUNAN LANJUT SEKTOR-SEKTOR PRODUKTIF**

Tuan Speaker,

53. Sabah terkenal dengan kekayaan sumber dan khazanah semulajadi seperti tanah yang luas untuk pertanian, hutan, pulau, pantai, keindahan alam fauna dan flora, serta minyak dan gas. Kesemua sumber tersebut boleh dimanfaatkan untuk kemakmuran dan faedah rakyat Sabah, namun perlu **dieksplotasi secara optimum dan diurus secara lestari atau “*sustainable*”** supaya dapat dinikmati secara berkekalan oleh generasi kini dan akan datang.

54. Bagi memacu pertumbuhan ekonomi ke tahap yang lebih tinggi, Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada usaha-usaha memajukan lebih lanjut lagi sektor-sektor ekonomi utama seperti **pertanian, pelancongan dan juga perindustrian**. Pertumbuhan sektor-sektor utama ini perlu disokong oleh pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam berkualiti; pembangunan modal insan berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan berintegriti; sains dan teknologi yang terkini serta relevan; dan pemantapan sistem penyampaian Kerajaan yang lebih cekap dan berkesan. Selaras dengan strategi tersebut, Kerajaan Sabah memperuntukkan banyak **RM926.73 juta** bagi melonjakkan lagi pertumbuhan ekonomi melalui pembangunan lanjut sektor pertanian, pelancongan dan perindustrian pada tahun 2019.

## Sektor Pertanian

Tuan Speaker,

55. Pertanian merupakan satu daripada sektor produktif yang utama kepada ekonomi Sabah. Selain menjadi penyumbang ketiga terbesar kepada KDNK negeri sebanyak **RM14.93 bilion** pada tahun 2017, sektor ini juga amat penting dari aspek guna tenaga. Pada tahun tersebut seramai **570,300 tenaga kerja** di Sabah berkecimpung dalam sektor pertanian. Selain itu, sektor ini juga berfungsi sebagai penyedia bahan makanan kepada kira-kira **3.86 juta penduduk** negeri ini, termasuk membekal bahan mentah untuk eksport dan kegunaan industri berasaskan pertanian di Sabah. Secara keseluruhan, sejumlah

**RM534.83 juta** diperuntukkan untuk membangunkan sektor pertanian pada tahun hadapan.

56. Pada tahun 2019, Kerajaan Sabah memperuntukkan sebanyak **RM142.89 juta** kepada Jabatan Pertanian untuk menerus dan meningkatkan lagi pembangunan sektor kecil tanaman di Sabah. Peruntukan tersebut diperlukan untuk tujuan pembangunan tanaman; khidmat pengembangan; R & D; latihan; akreditasi dan program berkaitan Amalan Pertanian Baik untuk Persijilan *myGAP* dan *myOrganic*; penguatkuasaan dan kuarantin; keusahawanan tani dan industri hiliran; subsidi serta insentif pengeluaran hasil-hasil pertanian.

57. Penekanan juga akan diberikan kepada peningkatan pengeluaran tanaman makanan terutama sekali beras, buah-buahan dan sayur-sayuran. Selaras dengan slogan “*Pertanian Adalah Perniagaan*”, Kerajaan akan memberi keutamaan kepada pembangunan Tanaman Nanas MD2, Kelapa MATAG dan Tacunan, Pisang Sabah serta Durian Musang King yang mempunyai pasaran tempatan dan juga eksport. Durian Musang King misalnya, telah dikenalpasti sebagai sumber kekayaan baharu di peringkat nasional kerana mampu memberikan pulangan yang tinggi, terutama apabila dieksport. Pada masa sama, tanaman kontan seperti keledek, kacang tanah dan kopi turut diberi penekanan untuk memenuhi keperluan penduduk dan industri pemprosesan tempatan, misalnya Kopi Tenom yang cukup terkenal di negara kita.

58. Bagi mengharungi isu persaingan guna tanah dan kawasan untuk pertanian yang semakin berkurangan, Kerajaan Sabah telah dan akan

membangunkan lebih banyak Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Di samping tiga kawasan yang sudah sedia ada, sebuah TKPM lagi dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2019 iaitu TKPM Masilou, Kundasang, Ranau.

59. Kerajaan Sabah juga memperuntukkan **RM19.24 juta** untuk mengurus dan melaksana program pembangunan pertanian luar bandar di bawah Korporasi Pembangunan Desa (KPD) pada tahun 2019. Peruntukan tersebut diperlukan untuk meneruskan pelaksanaan 24 buah projek pembangunan melibatkan 3,517 peserta projek di seluruh Sabah pada tahun yang sama.

60. Produk Cendawan, terutama Cendawan Shiitake sudah sinomim dengan KPD. Usaha agensi ini sejak beberapa tahun dulu, kini sudah membolehkan Sabah berbangga dengan pengeluaran cendawan segar. Dalam hubungan ini, Kerajaan Sabah telah memberikan peruntukan kepada KPD untuk membangun *Mushroom Information Centre Moyog* dan *Kimanis Mushroom Centre*, yang mana pusat-pusat ini dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2019. Tempat-tempat tersebut bukan sahaja akan menjadi pusat rujukan, latihan dan penyelidikan khusus untuk cendawan tetapi juga akan menjadi pusat tarikan pelancong berkonsepkan *product-based agro-tourism*.

61. KPD juga terkenal dengan pengeluaran madu **lebah**. Tiga produk madu **lebah** KPD di pasaran tempatan dengan jenama *Borneo Tropical Honey*; *Borneo Wild Honey*; dan *Borneo Trigona Honey* memang tidak asing lagi kepada penggemar madu tempatan. Empat pensijilan iaitu Sijil Halal; MesTi; ISO 9001: 2015; dan *Good Manufacturing Practices* yang

bakal diperolehi tahun ini dijangka akan memperkuuhkan lagi pasaran produk madu KPD pada tahun hadapan.

62. Sebanyak **RM35.16 juta** diperuntukkan kepada Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) untuk mengurus dan melaksana program pembangunan komoditi getah dalam tahun 2019. Agensi ini akan membangunkan kawasan tanam baru dan tanam semula getah seluas 5,016 hektar melibatkan seramai 1,483 pekebun kecil di seluruh Sabah pada tahun hadapan. Selain daripada melaksanakan program tanam baharu getah, LIGS juga akan meneruskan kerja-kerja penyelenggaraan kawasan tanaman getah yang telah dibangunkan dalam tahun 2014 sehingga 2018 dengan jumlah keluasan 23,076 hektar dan melibatkan seramai 7,484 pekebun kecil.

63. Bagi meningkatkan lagi pembangunan sektor perikanan, Kerajaan mengagihkan peruntukan sebanyak **RM34.81 juta** kepada Jabatan Perikanan dan **RM12.9 juta** kepada Ko-Nelayan pada tahun 2019. Peruntukan tersebut akan dibelanjakan antara lain untuk pembangunan komoditi perikanan, termasuk pengeluaran benih ikan air tawar dan marin; pengurusan dan perlindungan sumber perikanan; khidmat pengembangan dan pemantauan; R & D; latihan; persijilan; penguatkuasaan dan kuarantin; pembangunan akuakultur; keusahawanan dan industri hiliran; serta insentif pengeluaran hasil-hasil perikanan. Sebagai tambahan, Ko-Nelayan juga menyediakan kemudahan infrastruktur asas di perkampungan nelayan yang telah dikenalpasti; menyediakan skim bantuan kredit; dan menaiktaraf loji ais di Kudat dan Lahad Datu untuk menampung keperluan nelayan yang semakin bertambah.

Tuan Speaker,

64. Sektor kecil ternakan juga amat penting dalam pembangunan pertanian di Sabah. Kita telah mencapai kejayaan memberangsangkan dalam beberapa segmen sektor ternakan. Misalnya, kita telahpun mencapai 100 peratus Tahap Sara Diri dalam pengeluaran telur, daging ayam dan khinzir, termasuk juga susu segar, dalam mana Sabah kini berupaya mengeksport ke luar negara. Bagaimanapun, masih terdapat keperluan melipatgandakan usaha membangunkan ternakan ruminan bagi memenuhi keperluan penduduk kepada daging merah yang pada masa ini masih di tahap rendah.

65. Bagi tahun 2019, Kerajaan memperuntukkan sebanyak **RM68.09 juta** kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk tujuan mengurus dan melaksanakan program pembangunan ternakan dan penyediaan perkhidmatan haiwan. Dalam tahun tersebut, Kerajaan akan terus menekankan pembangunan industri tenusu, pembangunan keusahawanan dan industri hiliran. Program Tranformasi Tenusu yang telah dimulakan dalam RMK11 dan diteruskan pada tahun hadapan mempunyai “*dual purpose*”. Matlamat tersebut merangkumi penyediaan bahan mentah kepada industri pemprosesan produk berasaskan susu serta produk sampingan (seperti barangan daripada kulit haiwan) dan juga pengeluaran sekitar 27 hingga 30 peratus keperluan anak lembu untuk pengeluaran lembu pedaging dalam negeri.

66. Selain itu, peruntukan tersebut juga akan dibelanjakan untuk aktiviti-aktiviti penguatkuasaan; biosekuriti; persijilan di peringkat ladang dan pusat pemprosesan; pengawalan dan pembasmian penyakit

ternakan; pengeluaran baka berkualiti; pewujudan ladang-ladang nukleus ternakan kerbau; program penyediaan makanan ternakan dalam negeri (seperti *fodder*, pastura dan bijirin); dan pembangunan padang-padang ragut di berbagai daerah di Sabah.

Tuan Speaker,

67. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memainkan peranan penting dalam menyediakan infrastruktur pengairan, saliran dan perparitan untuk aktiviti pertanian, khususnya penanaman padi dan sayur-sayuran tanah tinggi. Bagi tahun 2019, Kerajaan Sabah memperuntukkan sekitar **RM3.01 juta** untuk tujuan tersebut, sebagai tambahan kepada **RM19.11 juta** peruntukan Imbuh Balik Persekutuan dalam tahun yang sama. Peruntukan negeri itu akan dibelanjakan antara lain untuk pembaikan kecil sawah-sawah padi dan Rancangan Saliran di berbagai daerah di Sabah; Rancangan Pengairan dan Saliran di daerah Kota Belud dan Kuala Penyu.

68. Kerajaan juga ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah bersetuju untuk meneruskan usaha membangun Jelapang Padi Kota Belud. Pada masa ini, JPS sedang dan akan melaksanakan kerja-kerja pembangunan infrastruktur di kawasan tersebut melibatkan kos sebanyak **RM340.0 juta** sehingga tahun 2020 dengan matlamat meningkatkan hasil pengeluaran bagi kawasan sawah padi seluas 5,000 hektar.

## **Sektor Pelancongan**

Tuan Speaker,

69. Sektor pelancongan memain peranan penting dalam membangunkan ekonomi negeri. Selain menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, sektor ini juga menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan menjadi sumber tukaran wang asing kepada Sabah. Memandangkan sektor ini mampu menjana **kesan pengganda** yang tinggi kepada ekonomi, Kerajaan Sabah akan terus memberi keutamaan kepada pembangunan sektor pelancongan. Di samping membangun dengan lebih lanjut **sektor pelancongan-eco** sedia ada, Kerajaan juga ingin maju setapak lagi dengan menerokai potensi pembangunan pelancongan berdasarkan kekuatan dan sumber yang ada seperti **bidang kesihatan dan kesukunan terpilih**.

70. Kita amat bertuah kerana Sabah telah dikurniakan dengan khazanah alam semulajadi serta keindahan fauna dan flora. Pelancong dari serata dunia datang mengunjungi Sabah kerana keindahan aset pelancongan berdasarkan alam semulajadi seperti pulau-pulau, pantai, hutan; gunung dan banjaran serta sumber marin yang menakjubkan. Bagi menarik lebih ramai pengunjung, Kerajaan Sabah akan mempergiatkan lagi promosi dan pemasaran; membangun produk baru; menambahbaik kualiti produk dan perkhidmatan sedia ada; meneroka destinasi pelancongan berpotensi tinggi terutama di peringkat daerah; dan menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor tersebut. Kesemua usaha tersebut dijangka akan meningkatkan lagi jumlah ketibaan pelancong dan pelabur ke negeri ini pada tahun hadapan.

71. Secara keseluruhan, sebanyak **RM229.89 juta** diperuntukkan untuk pembangunan sektor pelancongan pada tahun hadapan. Ini termasuklah peruntukan berkaitan di bawah Jabatan Perhutanan; Sabah Biodiversity Centre dan lain-lain jabatan atau agensi yang turut menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan.

Tuan Speaker,

72. Sukacita juga saya maklumkan Dewan Yang Mulia ini bahawa untuk tujuh bulan pertama tahun 2018, ketibaan pelancong mencatatkan peningkatan sebanyak 5.3 peratus untuk mencapai 2.22 juta pelawat berbanding tempoh yang sama tahun lalu dengan bilangan pelawat berjumlah 2.11 juta orang. Ketibaan pelawat yang tinggi ini dianggar menyumbang kepada nilai resit pelancongan berjumlah RM4.81 billion iaitu dengan kenaikan 8.0 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu sebanyak RM4.46 bilion. Ketibaan pelancong pada tahun 2018 ini terdiri daripada 1.42 juta pelawat domestik dan sekitar 800 ribu orang pelawat daripada luar negara.

73. Daripada jumlah tersebut China masih mengungguli ketibaan pelawat antarabangsa dengan jumlah sekitar 360 ribu orang iaitu melibatkan peningkatan sebanyak 45 peratus berbanding tahun lalu. Ini diikuti oleh Korea Selatan dengan jumlah pelawat seramai 191 ribu orang dan Taiwan, 31 ribu orang pelawat. Manakala, jumlah selebihnya seramai 218 ribu orang adalah daripada negara-negara lain.

74. Pada masa ini, Sabah boleh dihubungkan ke 24 destinasi antarabangsa melibatkan 10 negara melalui 216 penerbangan terus

udara dengan 37,210 kapasiti tempat duduk dalam seminggu. Antara lain destinasi tersebut termasuklah ke Brunei; Hong Kong; Shenzhen; Shanghai; Changsa; Tokyo; Seoul; Jakarta; Manila; Bangkok; Singapura dan Perth.

75. Pada masa sama, Kerajaan kini juga akan terus memperkasakan sektor eko-pelancongan sedia ada di daerah Tawau, Semporna, Lahad Datu dan Sandakan. Di samping itu, usaha akan dipertingkatkan untuk memperkenal dan membangunkan produk-produk pelancongan luar bandar. Misalnya, aktiviti '*hiking and trekking*' yang telah diadakan di Kadamaian, Kota Belud telah berjaya menarik pelancong dari beberapa negara asing, khususnya China, Korea dan Eropah.

76. Bagi menyokong pembangunan eko-pelancongan, Kerajaan turut menyediakan peruntukan sebanyak **RM57.65 juta** untuk penjagaan alam sekitar, perlindungan hidupan liar dan pengurusan taman-taman warisan dan marin. Kerajaan Sabah komited untuk melindungi dan melestarikan hidupan liar dengan mempertingkatkan lagi pewujudan Koridor Hidupan Liar (*corridor of life*) pada tahun hadapan. Ini amat penting di dalam membolehkan pergerakan hidupan liar yang lebih bebas dan selamat serta mengelakkan kepupusan setempat disebabkan oleh "*inbreeding*". Pada masa sama, langkah ini dapat mengurang dan menghalang hidupan liar memasuki kawasan ladang pertanian serta kawasan hutan dilindungi. Selain itu, Kerajaan juga akan memperbanyak kolaborasi dengan NGO dan syarikat-syarikat perladangan dalam aspek intervensi habitat.

Tuan Speaker,

77. Bermula Tahun 2019, tapak warisan, objek warisan atau mana-mana orang hidup sebagai suatu Warisan Sabah akan dipersijilkan. Bangunan, tugu, tapak purba dan tapak bersejarah yang telah dikenalpasti akan diwartakan sebagai Warisan Sabah sebelum diangkat sebagai Warisan Negara sejajar dengan kehendak Enakmen Warisan Negeri 2017. Melalui proses ini, Kerajaan akan mempunyai budibicara yang luas untuk mencalonkan mana-mana Warisan Sabah ke peringkat yang lebih tinggi seperti Warisan Negara dan Warisan Dunia.

78. Bagi memelihara kepelbagaian warisan budaya dan kepercayaan 32 etnik dan 217 sub etnik di Sabah, Kerajaan adalah komited untuk memastikan kelestarian warisan budaya ini terus relevan dalam agenda pembangunan pelancongan berdasarkan budaya (**Cultural Tourism**). Warisan tersebut akan dipatenkan sebagai Harta Intelek Etnik untuk membolehkannya kekal dimiliki oleh etnik berkenaan. Penerbitan bahan budaya dan warisan akan dilonjakkan dari setahun ke setahun untuk memperkasakan generasi muda dengan kebudayaan asal masyarakat Sabah.

## Sektor Perindustrian

Tuan Speaker,

79. Sektor perindustrian adalah satu lagi sektor pertumbuhan produktif yang amat penting kepada Sabah. Seperti mana dimaklumkan sebelum ini, sektor ini menyumbangkan sebanyak **RM5.22 bilion** kepada jumlah

KDNK negeri pada tahun 2017. Sumbangan sektor pembuatan kepada perdagangan luar Sabah juga kekal signifikan pada tahap RM2.58 bilion, yang merupakan 6.23 peratus daripada jumlah eksport negeri tahun berkenaan berjumlah RM41.38 bilion. Antara lain, rakan dagang atau pasaran eksport utama Sabah pada tahun 2017 ialah Semenanjung Malaysia; India; Australia; China dan Singapura.

80. Dari segi pelaburan pula, Sabah berjaya meraih pelaburan bernilai RM785.24 juta dalam tahun 2017, dalam mana sebahagian besarnya disumbangkan oleh pelaburan domestik. Ini menunjukkan terdapat perkembangan positif kepada usaha Kerajaan untuk mempergiatkan lagi aktiviti nilai ditambah dalam kalangan pengusaha dan pelabur tempatan. Pada tahun yang sama juga, Sektor pembuatan berjaya menyediakan pekerjaan kepada seramai 157,400 orang tenaga kerja di Sabah.

Tuan Speaker,

81. Kerajaan hari ini bermatlamat untuk memberi keutamaan kepada pembangunan sektor pembuatan di Sabah dengan **sasaran untuk melonjakkan sumbangan sektor tersebut kepada KDNK daripada 7.5 peratus kepada 35 peratus** dalam tempoh sesingkat yang mungkin. Dalam hubungan ini, Kerajaan berhasrat meningkatkan eksport keluaran perkilangan bagi menambah bilangan kargo berkontena daripada 270,000 TEU kepada 500,000 TEU setahun.

82. Bagi mencapai matlamat tersebut, Kerajaan Sabah akan memperkenalkan strategi dan inisiatif yang lebih berkesan. Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan nilai produktiviti dan daya saing

produk-produk keluaran tempatan, yang mana ini perlu disokong oleh kegiatan R & D, inovasi dan penguasaan ke atas sains dan teknologi yang relevan. Antara lain strategi utama yang dimaksudkan termasuklah:-

- (1) Meneruskan penyediaan infrastruktur, prasarana dan bekalan utiliti berkualiti di taman-taman perindustrian sedia ada di Sabah. Ini termasuklah meneruskan pembinaan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar dan merancang pembinaan rantaian jalinan sistem keretapi di Sabah bagi mengurangkan kos logistik;
- (2) Memperbanyakkan penerbangan langsung dua hala dari Kota Kinabalu ke berbagai negara terpilih untuk memudahkan pengeksportan kargo-kargo melalui udara;
- (3) Merancang pewujudan *Digital Free Trade Zone (DFTZ)* di KKIP dan di Pantai Timur Sabah;
- (4) Menggalakkan pembangunan dan penggunaan teknologi yang dipacu oleh *Industry Revolution (IR) 4.0*;
- (5) Merangka pelan-pelan perniagaan komprehensif bagi projek pelaburan yang hendak dibangunkan dan menubuhkan pasukan perunding pelaburan profesional untuk mewakili Kerajaan Sabah dalam mendapatkan keyakinan pelabur; dan

- (6) Membangun tenaga kerja yang memenuhi keperluan industri, memperkasa Industri Kecil dan Sederhana (IKS); dan memantapkan lagi sistem penyampaian kerajaan.

Tuan Speaker,

83. Bagi menarik pelaburan dan menggalakkan lagi pertumbuhan di sektor perindustrian, Kerajaan Sabah juga akan memperkenalkan beberapa **insentif baharu**. Antara yang utama ialah insentif dalam bentuk **pengurangan kadar premium** yang dikenakan kepada pemberimilikan tanah untuk tujuan industri pembuatan dan tukar syarat guna tanah daripada kegunaan pertanian ke industri pembuatan. Kadar premium untuk pemberimilikan tanah untuk tujuan pembuatan akan dikurangkan daripada 70 peratus kepada 60 peratus daripada harga pasaran tanah industri yang belum dibangunkan. Manakala, kadar premium tukar syarat gunatanah daripada pertanian kepada industri pembuatan akan dikurangkan daripada 15 peratus kepada 10 peratus berdasarkan 70 peratus harga pasaran tanah industri yang belum dibangunkan.

84. Selain itu, Kerajaan Sabah juga akan mengurangkan kadar cukai tanah tahunan daripada **1 peratus hingga ke 0.75 peratus** harga pasaran bagi tanah-tanah yang dibangunkan untuk tujuan industri pembuatan. Insentif ini akan berkuatkuasa mulai **01 Januari 2019** dan dikhaskan untuk pembangunan industri pembuatan baharu yang dapat menyediakan sekurang-kurangnya 100 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

85. Kerajaan pimpinan saya juga akan memperhebatkan lagi usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor pembuatan di Sabah, dengan memberi fokus kepada industri hiliran berdasarkan sumber seperti minyak dan gas serta hasil-hasil pertanian, terutama sekali kelapa sawit dan bidang-bidang lain berpotensi. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan menarik minat syarikat-syarikat swasta untuk melabur dalam industri yang berpotensi seperti perabot, automotif dan industri *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO) yang amat diperlukan untuk menyokong industri penerbangan di Sabah.

86. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk merancakkan lagi pembangunan Sektor Perindustrian, Kerajaan memperuntukkan sejumlah **RM162.01 juta** untuk pembangunan sektor berkenaan dalam tahun 2019. Ini termasuklah peruntukan sebanyak **RM33.24 juta** kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan jabatan serta agensi di bawahnya untuk memacu pertumbuhan sektor perindustrian, meningkatkan promosi menarik pelaburan dan menggiatkan aktiviti perdagangan di Sabah pada tahun hadapan.

## **PEMBANGUNAN PEMBOLEHDAYA (*ENABLERS*)**

Tuan Speaker,

87. Kerajaan mengutamakan pembangunan “**pembolehdaya**” atau “**enablers**” yang amat penting di dalam membolehkan rancangan dan program-program pembangunan yang dilaksanakan mencapai matlamat yang disasarkan. Ini termasuklah penyediaan infrastruktur seperti jalanraya dan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik termasuk

juga ICT di kawasan bandar dan luar bandar. Kemudahan dan infrastruktur berkualiti merupakan pembolehdaya utama kepada peningkatan mobiliti penduduk dan aktiviti dalam sektor-sektor produktif yang lebih efisien ke arah mencapai pembangunan sosial dan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi lagi. Justeru itu, saya berpandangan bahawa sudah sampai masanya untuk Kerajaan Sabah memain peranan yang lebih besar di dalam menyediakan kepada rakyat perkhidmatan dan kemudahan asas yang kritikal seperti bekalan air dan tenaga elektrik secara berkesan. Kerajaan Sabah hari ini perlu "*take charge*" dan memikul tanggung jawab tersebut demi kepentingan rakyat yang dikasihi.

88. Dalam hal ini, Kerajaan Sabah akan terus memberi tumpuan kepada program pembangunan berkaitan yang meliputi jalanraya, cerun, jambatan; pengangkutan awam; perkhidmatan keretapi; pelabuhan dan dermaga; bekalan air dan pembetungan; perparitan dan saluran di bawah Bajet 2019. Secara keseluruhan, sektor ini telah disyorkan agihan peruntukan yang besar oleh Kerajaan berjumlah **RM1,254.9** juta pada tahun hadapan. Daripada jumlah tersebut, **RM1,000.94** juta adalah diagihkan kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur. Manakala, baki selebihnya diperuntukkan di bawah Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan jabatan-jabatan di kementerian lain yang turut terlibat membangunkan kemudahan infrastruktur serupa.

Tuan Speaker,

89. Bagi tahun hadapan, sejumlah **RM250.12 juta** diperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk melaksanakan **program-program pembangunan jalanraya, pemberian cerun, bangunan kerajaan dan pengangkutan awam**. Program pembangunan jalanraya akan meliputi pembinaan dan naiktaraf jalan-jalan di kawasan bandar dan luar bandar, termasuk ke kawasan pertanian, pelancongan dan perindustrian di berbagai daerah di Sabah.

90. Pada tahun 2019, JKR akan antara lainnya melaksanakan program-program berikut:-

- Membina dan menaiktaraf jalan-jalan di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan juga jalan-jalan di pekan-pekan kecil dengan peruntukan sebanyak **RM31.0 juta**;
- Menangani kesesakan lalulintas dengan melaksanakan program pengurusan trafik dan keselamatan lalu lintas dengan peruntukan sebanyak **RM4.7 juta**;
- Membina bangunan kerajaan dengan peruntukan **RM3.96 juta**. Ini termasuklah pembinaan sebuah rumah kerajaan di Daerah Kecil Tungku; dua buah kuarters kerajaan; sebuah rumah rehat di Paitan; bangunan tambahan di Pejabat Daerah Kunak; serta Kompleks JKR Telupid;

- Membuat kajian, merekabentuk dan juga membina dua buah jambatan iaitu di Jalan Tun Fuad dan jambatan Sg. Telangkai, Nabawan dengan peruntukan **RM5 juta**;
- Menyiapkan dua cerun iaitu di KM 2.3 Jalan Penampang Lama dan KM10.70 Jalan Ranau-Tambunan dengan peruntukan **RM3.4 juta**; dan
- Melaksanakan kerja-kerja membaikpulih stesen-stesen pam, loji rawatan kumbahan dan rangkaian paip pembetungan di berbagai daerah seluruh Sabah dengan peruntukan sebanyak **RM43.45 juta** daripada pembiayaan Kerajaan Sabah dan sebanyak **RM69 juta** lagi di bawah Pinjaman Persekutuan pada tahun 2019.

Tuan Speaker,

91. Air merupakan keperluan asas paling kritikal kepada semua hidupan, termasuk kita manusia. Tanpa air, tidak mungkin kita boleh hidup. Selain diperlukan untuk kegunaan kehidupan harian, air juga amat penting dalam menggerakkan aktiviti sesebuah ekonomi. Oleh yang demikian, Kerajaan memberi keutamaan tinggi kepada pembangunan dan penyediaan bekalan air kepada rakyat. Kerajaan sedar bahawa kawasan Sabah amatlah luas, maka masih ramai rakyat, khususnya di kawasan luar bandar yang masih belum lagi menikmati kemudahan bekalan air bersih dan terawat.

92. Justeru itu, Kerajaan kini adalah prihatin dengan kesusahan yang dialami oleh rakyat. Maka, bagi meningkatkan kualiti dan liputan bekalan

air di Sabah, Kerajaan akan terus menambahbaik perkhidmatan dan pelaksanaan program pembangunan berkaitan seperti loji-loji dan empangan air, termasuk menangani masalah Air Tak Berhasil (*Non Revenue Water*). Bagi tahun 2019, Kerajaan Sabah memperuntukkan sebanyak **RM636.69 juta** kepada Jabatan Air Negeri Sabah untuk tujuan operasi dan pelaksanaan program pembangunan. Sebagai tambahan, Kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak **RM76.27 juta** yang dibiayai melalui Pinjaman Mudah Persekutuan pada tahun yang sama. Antara lain program yang akan dilaksanakan di bawah Pembiayaan Negeri pada tahun hadapan, termasuklah:-

- Program Khas Bekalan Air dengan kos **RM130.0 juta**;
- Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Berhasil dengan kos **RM9.0 juta**;
- Kerja-kerja Kecemasan atau Luar Jangka untuk Bekalan Air di seluruh Sabah dengan anggaran perbelanjaan atau kos sebanyak **RM7.0 juta**;
- Program-program Menaik taraf Paip Utama, Agihan dan Retikulasi; Penyambungan Paip; dan Membina/Menaik Taraf Loji dan Muka Sauk dengan kos **RM9.45 juta**; dan
- Program Peningkatan Kualiti Air sebanyak **RM5.5 juta**.

93. Kerajaan juga akan meningkatkan lagi pembangunan dan kualiti **perkhidmatan keretapi**. Pada tahun 2019, sebanyak **RM42.33 juta** diagihkan kepada Jabatan Keretapi Negeri Sabah untuk tujuan operasi

dan pelaksanaan program pembangunan, tidak termasuk peruntukan Kerajaan Persekutuan. Daripada peruntukan mengurus, sejumlah **RM14.53 juta** diagihkan untuk tujuan menangani tanah luncur dan payahan serta penyenggaraan awam dan kejuruteraan jentera. Ini penting di dalam memastikan perkhidmatan rel sentiasa berkeadaan selamat serta memuaskan kepada para penumpang. Manakala, peruntukan pembangunan sebanyak **RM8.05 juta** akan dibelanjakan antara lainnya untuk program menaiktaraf landasan dan perolehan lokomotif.

Tuan Speaker,

94. Kerajaan Sabah juga memperuntukkan sebanyak **RM20.54 juta** kepada Jabatan Pelabuhan dan Dermaga pada tahun 2019 untuk penyediaan perkhidmatan pengawalan dan penjagaan keselamatan lalu lintas air serta pembangunan kemudahan di pelabuhan. Peruntukan operasi akan dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan-kemudahan pelabuhan di seluruh had pelabuhan di Sabah seperti jeti-jeti pendaratan awam; struktur-struktur alat bantuan pelayaran sedia ada; jeti-jeti *Barter Trade*; dan menara kawalan trafik perkapalan. Manakala, peruntukan pembangunan pula akan dibelanjakan antara lain untuk program-program berikut:-

- Pemasangan sistem pemantauan jarak jauh bagi alat bantuan pelayaran dan suar muar di kawasan Had Pelabuhan Semporna;

- Pembinaan Kapal atau Bot Serba Guna yang diperlukan untuk memantau aktiviti-aktiviti perkhidmatan marin dan pelabuhan, khususnya dalam Kawasan-Kawasan Pemaliman Wajib; dan
- Menaik taraf kemudahan-kemudahan pelabuhan sedia ada di Terminal Feri Menumbok dan pendaratan awam dalam Kawasan Had Pelabuhan Sipitang.

Tuan Speaker,

95. Kerajaan melalui Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) akan terus membantu Pihak Berkuasa Tempatan, dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu di dalam melaksanakan program pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam. Untuk tahun 2019, KKTP diperuntukkan sebanyak **RM94.48 juta** untuk operasi dan pembangunan. Peruntukan tersebut diagihkan antara lainnya untuk penyediaan pelbagai kemudahan infrastruktur seperti medan selera, pasar umum, tamu dan lanskap, termasuk juga pembinaan pejabat pentadbiran, serta pembangunan infrastruktur di kawasan Pekan-pekan Baru.

96. Selain itu, Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak **RM127.31 juta** kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk tujuan pembangunan infrastruktur perparitan di kawasan pekan dan bandar bagi mengelak atau menangani banjir serta pencegahan hakisan tebing sungai dan pantai. Antara lain program yang akan dilaksanakan pada tahun 2019, termasuklah Rancangan Mencegah atau Tebatan Banjir di Sungai Tawau, Tawau dan Sungai Petagas Kg. Sendil, Putatan; dan

Rancangan-rancangan Saluran Bandar seperti di Bandaraya Kota Kinabalu, Penampang dan Tawau; serta Saluran Bandar Kecil di Kudat, Beaufort, Taman Jumbo Putatan dan Tenom.

## **PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

Tuan Speaker,

97. Kerajaan pimpinan saya percaya, **modal insan** adalah sebenarnya aset yang utama dan amat berharga kepada Sabah. Kita perlu belajar daripada negara-negara maju yang telah memberikan keutamaan kepada pembangunan “*human capital*” seperti Jepun, China, Korea dan Singapura. Negara-negara tersebut telah mencapai tahap kemajuan yang tinggi kerana berjaya membangunkan aset tenaga kerja yang bukan sahaja mahir dalam berbagai bidang tetapi juga berkualiti tinggi dari segi nilai-nilai diri dan etika.

98. Justeru itu, jika kita hendak memajukan Sabah dengan lebih cemerlang lagi, kita perlu ada “*passion*” dan kesanggupan untuk melabur bagi melahirkan **modal insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dengan kerohaniannya telah diterapi dengan nilai-nilai murni dan positif**. Dalam konteks masyarakat kita, Kerajaan menginginkan sumber manusia yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, jasmani dan rohani berasaskan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Dengan modal insan yang lebih kompeten dan berinovasi, Sabah pasti mempunyai sumber manusia yang menjadi pencetus kepada idea dan insiatif baharu dalam kegiatan sosioekonominya. Modal insan berkualiti tinggi amat penting dalam

konteks pembinaan negeri dan usaha memartabatkan bangsa dan ummah, termasuk mengupayakan kita menangani cabaran serta menyelesaikan pelbagai masalah yang melanda baik daripada sudut ekonomi, sosial maupun politik.

99. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Kerajaan Sabah menyediakan peruntukan sebanyak **RM238.37 juta** untuk pembangunan modal insan, keagamaan dan infrastruktur sokongan berkaitan pada tahun 2019. Kesungguhan Kerajaan Sabah dalam agendanya untuk membangunkan modal ini juga dibuktikan dengan tindakan mewujudkan **Kementerian Pelajaran dan Inovasi**. Kementerian ini akan merangka dasar, strategi serta melaksanakan program pembangunan untuk menambahbaik dan meningkatkan lagi tahap pelajaran dan pendidikan di Sabah.

100. Bagaimanapun, memandangkan bidang pelajaran pada ketika ini adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan, maka sebarang inisiatif yang bakal diperkenal akan dirunding dan dilaksanakan melalui kerjasama erat dengan kementerian berkaitan di peringkat nasional. Kerajaan Sabah berharap dengan adanya kementerian ini, isu-isu meruncing seperti sekolah-sekolah daif dan kekurangan kemudahan di sekolah-sekolah di Sabah dapat dibawa ke perhatian Kerajaan Persekutuan untuk diselesaikan dengan segera dan lebih berkesan lagi.

101. Selain itu, saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini bahawa Kerajaan kini juga telah meningkatkan peruntukan untuk **Pemberian Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajar Negeri**. Peruntukan tersebut yang telah diletakkan di bawah Kementerian

Pelajaran dan Inovasi telah ditambah sebanyak **RM15 juta** kepada **RM52 juta** pada tahun 2019 berbanding hanya RM37 juta pada tahun 2018. Kerajaan berharap tambahan tersebut akan memberi peluang kepada lebih ramai lagi anak-anak watan Sabah untuk melanjutkan pelajaran dan latihan ke peringkat lebih tinggi di dalam dan di luar negara, dengan keutamaan akan diberikan dalam bidang-bidang kritikal seperti Sains, Teknologi dan Matematik. Golongan ini akan menjadi generasi pelapis yang akan memenuhi keperluan pasaran dan industri serta barisan kepimpinan di Sabah di masa akan datang.

102. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Yayasan Sabah juga telah memperuntukan sebanyak RM10 juta secara “one-off” pada tahun ini bagi membantu meringankan beban para pelajar daripada Sabah yang melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi. Sekiranya keadaan mengizinkan, bantuan tersebut akan diteruskan dan ditambah lagi di masa hadapan.

103. Selain itu, Kerajaan juga akan meneruskan pelaksanaan program-program berkaitan pada tahun hadapan, yang antara lain adalah seperti berikut iaitu:-

- Pembangunan dan operasi hal ehwal agama Islam termasuk Sekolah Agama Islam dan masjid di bawah Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) yang diagihkan peruntukan sebanyak **RM95.34 juta**;
- Pembangunan Keagamaan dan Institusi-institusi Keagamaan Bukan Islam serta Sekolah Mubaligh dan persendirian yang telah

diperuntukkan sebanyak **RM35 juta**. Sukacita juga saya memaklumkan Dewan Yang Mulia ini bahawa Kerajaan kini telah menambah peruntukan bagi membantu Sekolah-sekolah Mubaligh dan Persendirian daripada hanya **RM12 juta** pada tahun 2018 kepada **RM15 juta** dalam tahun 2019. Ini adalah sejajar dengan hasrat untuk memberikan peruntukan yang lebih saksama kepada rakyat di Sabah yang terdiri daripada berbilang bangsa dan agama yang turut sama-sama membayar cukai kepada Kerajaan;

- Latihan dan kursus berkaitan ICT di bawah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri yang telah diperuntukkan sebanyak **RM20.80 juta**;
- Pembangunan dan operasi Perkhidmatan Perpustakaan, termasuk Perpustakaan Desa dan Perpustakaan Bergerak berjumlah **RM40.38 juta**;
- Pelaksanaan pelbagai program latihan dan kursus kemahiran di Jabatan Pembangunan Sumber Manusia dan Kementerian Pelajaran dan Inovasi dengan peruntukan sebanyak **RM145.74 juta**; dan
- Pelaksanaan berbagai kursus-kursus berkaitan pertanian tanaman, perikanan dan penternakan di institut-institut latihan di jabatan dan agensi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sebanyak **RM5.27 juta**.

## PENINGKATAN KESEJAHTERAAN HIDUP DAN KEBAJIKAN

Tuan Speaker,

104. Sejajar dengan strategi Bajet 2019, Kerajaan Sabah juga memberi perhatian serius kepada usaha mengurangkan jurang ketaksamaan sosioekonomi yang masih wujud. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus melaksanakan program-program kebajikan dan pembangunan sosioekonomi berpaksikan rakyat dan bersasaran spesifik iaitu secara langsung kepada penduduk miskin dan termiskin yang sudah tersenarai dan telah diverifikasi dalam Sistem E-Kasih. Bagi tujuan tersebut, sejumlah **RM518.42 juta** telah diagihkan untuk program peningkatan kebajikan dan kesejahteraan rakyat di Sabah di bawah berbagai kementerian.

105. Seperti mana yang diketahui umum, Laporan Penyiasatan Pendapatan Isirumah (HIS) 2016 menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di Sabah telahpun menurun kepada 2.9%. Bagaimanapun secara keseluruhannya, Sabah masih lagi berada di kedudukan ketiga tertinggi dalam kategori negeri yang mempunyai bilangan penduduk miskin paling ramai pada tahun 2018. Bilangan penduduk **miskin** di Sabah pada tahun 2018 ialah 73,754 orang berbanding Kelantan (157,845 orang) dan Sarawak (138,006 orang). Selain itu, Sabah juga masih merupakan negeri yang mempunyai bilangan penduduk **Miskin Tegar** paling tinggi di Malaysia ketika ini pada tahap 93,119 orang.

106. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menurunkan lagi kadar kemiskinan di Sabah ke paras kurang dari 1.0 peratus menjelang tahun

2020. Justeru itu, Kerajaan kini sentiasa komited dan terus berusaha untuk membantu golongan miskin dan miskin tegar terkeluar daripada belenggu kemiskinan. Oleh itu, pada tahun hadapan sebanyak **RM309.73 juta** diperuntukkan untuk pelbagai program yang menjurus kepada penjanaan pendapatan dan pengurangan insiden kemiskinan di berbagai kementerian, termasuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah (KPLBS).

107. Pada tahun 2019, KPLBS antara lainnya akan terus menambahbaik projek-projek Mini Estet Sejahtera (MESEJ) di seluruh Sabah dalam tiga aspek utama iaitu ekonomi, infrastruktur dan modal insan yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup serta menambah pendapatan peserta MESEJ. Di samping itu, pelbagai aktiviti di bawah Program Peningkatan Ekonomi Setempat dan Pembangunan Modal Insan akan diselaras dan dilaksanakan, khususnya di daerah yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi.

Tuan Speaker,

108. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta jabatan dan agensi yang berkaitan juga turut melaksanakan program-program pembangunan yang bertujuan menjana dan meningkatkan pendapatan golongan petani/pekebun kecil, penternak dan nelayan miskin. KPD misalnya, akan meneruskan program pemprosesan pelbagai dan projek-projek Perladangan Kontrak yang diagihkan peruntukan sekitar **RM19.23 juta** pada tahun 2019. Peruntukan tersebut dijangka akan memberi faedah kepada sekitar 1,200 peserta projek di luar bandar pada tahun hadapan.

109. Kerajaan juga meneruskan pemberian **subsidi untuk pembelian susu** yang bertujuan meningkatkan pendapatan penternak lembu tenusu di seluruh Sabah. Sebanyak **RM15.15 juta** disediakan di bawah Bajet 2019 untuk pembelian kira-kira **10 juta liter susu setahun**, yang mana ini akan memberi faedah kepada para penternak lembu tenusu yang aktif di seluruh Sabah pada tahun hadapan.

110. Selain itu, Kerajaan juga menyediakan sebanyak **RM16.5 juta** untuk **Subsidi Pembajakan Sawah** pada tahun hadapan, yang dijangka akan memanfaatkan seramai **37,281** pesawah di 21 daerah di seluruh Sabah. Insentif pembajakan ini bertujuan menggalakkan para petani menanam padi dan meringankan kos serta beban mereka dalam mengusahakan sawah-sawah padi serta tanah terbiar di luar bandar.

111. Di samping itu, saya sendiri amat prihatin kepada para petani yang mengusahakan penanaman padi bukit di berbagai daerah seperti Ranau, Tambunan, Keningau, Kota Belud, Sipitang, Pitas dan Kota Marudu. Saya melihat bahawa padi bukit adalah makanan ruji di kalangan penduduk etnik tempatan yang boleh dimajukan sebagai **produk eksotik premium** dan menjadi **sumber pendapatan** kepada para petani terlibat ekoran harga-harganya yang lebih tinggi. Ini mengambilkira bahawa padi bukit mempunyai gizi atau khasiat pemakanan yang tinggi. Kajian menunjukkan bahawa beras padi bukit seperti **Beras Perang** mempunyai antara lainnya, kandungan protein, serat yang tinggi dan kanji yang rendah serta sekurang-kurang **31 jenis zat mineral** dan **14 jenis vitamin**. Maka, kelebihan-kelebihan ini boleh dipromosikan untuk amalan pemakanan yang lebih sihat dalam kalangan rakyat di Sabah dan negara kita amnya. Sebagai permulaan,

Kerajaan akan menyediakan **RM5 juta** di bawah **Peruntukan Khas** untuk tujuan membantu para petani padi bukit pada tahun 2019. Peruntukan ini dijangka akan memberi faedah kepada sekitar **18,400 orang petani padi bukit** berdaftar di Sabah pada tahun hadapan.

112. Pada masa sama, Kerajaan Sabah turut memberikan bantuan untuk menyeragamkan harga-harga getah yang dinikmati oleh pekebun getah di Sabah dengan di Semenanjung Malaysia. Dalam hal ini, Kerajaan Sabah menyediakan peruntukan sebanyak **RM20 juta** di bawah Bajet 2019 bagi membolehkan sekitar **32,000 pekebun kecil getah** di Sabah menikmati pulangan dan pendapatan yang lebih tinggi.

113. Sebagai tambahan, Kerajaan kini juga menyediakan Peruntukan Khas sebanyak **RM20 juta** untuk bantuan benih, baja dan bibit kepada para petani yang layak dan memerlukan modal permulaan mengusahakan aktiviti pertanian pada tahun hadapan.

Tuan Speaker,

114. Kerajaan amatlah mementingkan penyampaian perkhidmatan kebajikan kepada golongan masyarakat yang berkeperluan dan kurang bernasib baik. Pada tahun 2019, Kerajaan memperuntukkan sebanyak **RM51.30 juta** untuk penyampaian bantuan kebajikan kepada Warga Emas; Ibu tunggal; Anak-Anak Yatim, Miskin dan Berkeperluan; Orang Kurang Upaya; dan Pesakit OKU atau Pesakit Kronik Terlantar. Bantuan tersebut dijangka dapat memberi faedah kepada sekitar 59 ribu orang yang memerlukan pada tahun hadapan.

115. Saya juga telah mengarahkan supaya Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat mengkaji dari semasa ke semasa sistem penyampaian perkhidmatan kebaikan kepada rakyat yang berkeperluan. Ini penting kepada usaha kita untuk memastikan bantuan benar-benar sampai kepada kumpulan sasar. Di samping itu, program pembangunan masyarakat termasuk pemulihan dan latihan kanak-kanak kurang upaya akan terus dilaksanakan untuk membantu mereka menjana pendapatan dan menjadi mandiri atau hidup berdikari.

116. Kerajaan juga amat prihatin kepada bebanan kewangan yang dihadapi oleh ibubapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah, terutama sekali di kalangan isi rumah berpendapatan rendah. Oleh itu, Kerajaan akan meneruskan pengagihan bantuan persekolahan seperti pakaian seragam dan alat tulis bagi meringankan bebanan keluarga dan seterusnya mendorong ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah. Bagi tahun 2019, Kerajaan Sabah bercadang memperuntukkan sebanyak **RM12.6 juta** untuk meneruskan pelaksanaan program berkenaan pada tahun hadapan yang dijangka memberi faedah kepada sekitar 276 ribu orang murid di sebanyak 1,072 buah sekolah rendah di seluruh Sabah.

Tuan Speaker,

117. Kerajaan telah menubuhkan Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat dengan matlamat antara lainnya untuk meningkatkan lagi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Tinjauan kerajaan ke pusat-pusat kesihatan seperti klinik-klinik dan hospital mendapati terdapat isu kekurangan kemudahan yang bukan sahaja

menyusahkan para pesakit tetapi juga kakitangan serta pegawai-pegawai kesihatan yang bertugas. Dalam hubungan ini, kementerian tersebut diberikan tanggungjawab untuk memantau keadaan serta tahap perkhidmatan kesihatan di Sabah supaya segala isu-isu kritikal berkaitan boleh diangkat untuk dibincang dan diambil tindakan sewajarnya oleh pihak Persekutuan.

118. Kerajaan juga prihatin terhadap keperluan pemeriksaan dan rawatan kesihatan penduduk di kawasan-kawasan terpencil dan sukar dikunjungi melalui jalan darat. Justeru itu, adalah penting supaya perkhidmatan Doktor Udara diwujudkan semula. Saya difahamkan bahawa Kerajaan Persekutuan sedang mengurus untuk mengaktifkan semula perkhidmatan ini dan Kerajaan Sabah akan memberikan bantuan yang diperlukan menjayakan hal ini.

119. Seperti mana yang diketahui umum, keluarga adalah unit terpenting dalam masyarakat. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat juga akan meneruskan Penganjuran Program Kepentingan Pengukuhan Institusi Keluarga. Dalam hubungan ini, kementerian berkenaan akan bekerjasama erat dengan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah untuk merancang dan melaksanakan program pendidikan kesihatan agar rakyat di negeri ini mempunyai kesedaran tentang peri pentingnya penjagaan kesihatan yang baik dalam keluarga dan pencegahan penularan penyakit berjangkit. Untuk mencapai matlamat tersebut, saya menyarankan kedua-dua pihak mengadakan kerjasama yang lebih erat dan berkesan dengan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker,

120. Selaras dengan hasrat untuk mewujudkan suasana yang harmoni, aman dan teratur dalam masyarakat kita, Kerajaan kini telah menubuhkan Kementerian Undang-undang dan Hal-Ehwal Anak Negeri. Kerajaan percaya dan melihat, suasana yang demikian turut menyumbang kepada kebijakan dan kesejahteraan rakyat, khususnya apabila kebebasan beragama dan hak-hak Anak Negeri terpelihara selaras dengan Undang-undang dan Perlembagaan Negara. Untuk mencapai matlamat tersebut, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM141.01 juta** untuk kementerian tersebut, termasuk jabatan dan agensi yang akan diletakkan di bawahnya seperti Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS); Pejabat MUFTI; Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS); Perbadanan Baitulmal; dan Jabatan Hal-Ehwal Anak Negeri, Sabah.

Tuan Speaker,

121. Kerajaan juga tidak melupakan keperluan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah. Oleh yang demikian, Kerajaan merancang untuk menyediakan lebih banyak rumah mampu milik dan sederhana pada masa hadapan. Kerajaan memperuntukkan sebanyak **RM83.65 juta** kepada kementerian dan berbagai jabatan serta agensi yang terlibat secara langsung dalam pembangunan perumahan di Sabah pada tahun hadapan. Kementerian berkenaan iaitu Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan akan bekerjasama dengan lebih erat lagi dengan semua pihak berkaitan seperti Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB), Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Jabatan Tanah dan Ukur serta agensi-

agensi Kerajaan yang berkaitan dan syarikat-syarikat swasta dalam merealisasikan hasrat Kerajaan ini.

## **PEMERKASAAN WANITA, BELIA DAN SUKAN**

Tuan Speaker,

122. Kerajaan Sabah pimpinan saya amat menghargai dan menyanjung tinggi peranan dan sumbangan kaum hawa. Tanpa mereka yang melahir, membesar dan mendidik generasi baru, tidak mungkin wujud pewaris dan pelapis yang akan meneruskan kelangsungan sesuatu bangsa. Kaum wanita juga merupakan rakan (*partner*) kepada kaum lelaki dalam membangun dan mentadbir negeri kita. Oleh yang demikian, Kerajaan Sabah ingin memastikan supaya mereka turut mendapat peluang dan faedah daripada pembangunan seiring dengan kaum lelaki.

123. Dengan keprihatinan tersebut, Kerajaan memperuntukkan sebanyak **RM78.74 juta** untuk pembangunan wanita di Sabah melalui berbagai program dan aktiviti. Ini antara lain termasuklah kemudahan Kredit Mikro untuk tujuan menjalankan perniagaan di bawah Yayasan Usaha Maju; dan Pembangunan Keusahawanan Ibu tunggal & Wanita Miskin; Program Pembangunan dan Kesaksamaan Gender; Pusat Bantuan Guaman Wanita serta Program Wanita Berwibawa di bawah Jabatan Hal Ehwal Wanita.

124. Kita juga mengambil perhatian bahawa Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA) dengan kerjasama Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS)

berjaya menyediakan **Pelan Induk 5 Tahun Pembangunan Wanita, 2018 - 2023**. Pelan tersebut merangkumi agenda pembangunan wanita di Sabah dalam berbagai bidang. Antara lainnya termasuklah dalam bidang Sosio-ekonomi, termasuk keusahawanan; Pendidikan; Kesihatan; Undang-Undang; Media; Pembuatan Keputusan; Keterangkuman dan Kesaksamaan Gender; Alam Sekitar; Sukan; dan Agama.

Tuan Speaker,

125. Golongan belia iaitu mereka yang termasuk dalam lingkungan umur 15 hingga 40 tahun adalah aset yang menjadi pemangkin kepada pembangunan negara. Selaras dengan matlamat dasar berkaitan dan juga **Pelan Strategik Pembangunan Belia Sabah, 2016-2030**, Kerajaan Sabah akan menekankan pembangunan modal insan di kalangan belia yang disekaliguskan dengan usaha menyerlahkan potensi dan keterampilan belia. Pelaksanaan pelan ini diharap akan menggerakkan belia dengan berkesan dan lebih dinamik lagi berpaksikan Domain Pembangunan Kendiri yang merangkumi Keunggulan Personaliti, Kecemerlangan Rohani, *Softskills* serta kemahiran dan kepakaran keusahawanan. Kementerian Belia dan Sukan telah diagihkan peruntukan sebanyak **RM103.09 juta** untuk tujuan mengurus dan pelaksanaan program pembangunan belia termasuk sukan di Sabah pada tahun 2019. Selaras dengan manifesto, Kerajaan Sabah juga menyediakan **RM24.45 juta** untuk **Pemberian Khas Dana** dan **Pinjaman** bagi pembangunan usahawan termasuk belia. Kerajaan percaya peruntukan ini juga akan membantu menggalakkan lagi aktiviti Perusahaan Kecil dan Sederhana di Sabah.

Tuan Speaker,

126. Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan kejayaan kita dalam bidang sukan. Pungutan 32 pingat emas dan Anugerah Atlet Lelaki Terbaik pada temasya SUKMA Ke-19, Perak 2018 merupakan pencapaian terbaik Kontinjen Sabah sejak SUKMA tahun 2002. Pencapaian atlet Pancak Silat, Angkat Berat, Terjun, Karate, Perahu Layar, Tenpin Boling, Tinju dan Ragbi telah mencapai sasaran emas yang ditetapkan.

127. **Eugenius Lo Fooh Soon** yang berasal dari Penampang, atlet Sukan Memanah yang telah memenangi Empat Pingat Emas individu dan memecahkan dua rekod SUKMA serta menyamai satu rekod Kebangsaan telah dinobatkan Atlet Lelaki Terbaik SUKMA di Perak pada tahun ini. Manakala, atlet **Andre Anura@Anuar** yang berasal dari Tenom telah menamatkan kemarau pingat emas dalam sukan olahraga apabila memenangi pingat emas dalam acara Lompat Kijang yang sekaligus memecahkan rekod SUKMA sebelumnya.

128. Pada tahun 2019, Kerajaan akan terus memperkasakan pembangunan sukan melalui pelaksanaan **Pelan Strategik Pembangunan Sukan 2016-2030** dengan memberi tumpuan kepada aspek pengisian program Sukan Prestasi Tinggi, Industri Sukan dan Sukan Massa.

## PENCAPAIAN DAN PROGRAM PEMBANGUNAN AGENSI AWAM

Tuan Speaker,

129. Badan Berkanun dan agensi Kerajaan Sabah merupakan sebahagian daripada jentera pelaksana polisi Kerajaan Sabah, khususnya dari aspek sosio-ekonomi dan komersial. Oleh yang demikian, adalah penting bagi pihak pengurusan untuk memastikan organisasi sentiasa berada di landasan yang betul dengan mencapai objektif penubuhan dan menjana pulangan kepada Kerajaan Sabah. Untuk tahun 2019, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak **RM170 juta** kepada Badan-Badan Berkanun dan Agensi awam.

Tuan Speaker,

130. Saya sedar banyak agensi yang telah menunjukkan prestasi baik dan berjaya membayar dividen kepada Kerajaan Sabah setiap tahun. Saya mengucapkan terima kasih kepada badan berkanun dan agensi-agensi seperti Sabah Credit Corporation; Sabah Development Bank Berhad; Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.; Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd.; Progressive Insurance Berhad; Saham Sabah Bhd.; KKIP Sdn. Bhd.; Desa Plus Sdn. Bhd.; Desa Lestari Sdn. Bhd.; Suria Capital Holdings Sdn. Bhd; Borneo Development (Sabah) Corporation Sdn. Bhd.; Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.; Sabah International Dairies Sdn. Bhd.; dan Korporasi Pembangunan Desa yang telah membayar dividen kepada Kerajaan Sabah.

131. Kerajaan Sabah sangat menghargai pencapaian dan sumbangan agensi Kerajaan, tetapi saya berpendapat masih banyak perkara yang perlu diperbaiki dalam pengurusan organisasi. Agensi Kerajaan perlu mengkaji semula halatuju bagi memastikan organisasi tidak tersasar daripada objektif asal penubuhannya. Selain itu, rasionalisasi anak-anak syarikat perlu dilaksanakan bagi memperkuatkan syarikat berkenaan serta mengelakkan ketirisan dan pembaziran sumber. Saya menyeru agensi Kerajaan yang bermasalah atau mengalami kerugian untuk mengambil inisiatif secara serius dalam memulihkan agensi masing-masing. Saya juga menggesa agensi-agensi yang berkenaan untuk membayar balik hutang-hutang seperti pinjaman, cukai tanah (termasuk *sub-division*) dan bil-bil utiliti. Di samping itu, saya menggesa supaya semua ahli lembaga pengarah yang menerajui agensi Kerajaan supaya melaksanakan tanggungjawab dengan bersih, cekap dan amanah.

Tuan Speaker,

132. Inisiatif Kerajaan menganjurkan Kursus Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Negeri setiap tahun sejak tahun 2011 telah sedikit sebanyak memberi impak positif terhadap peningkatan dan keberkesanan tadbir urus korporat yang baik. Pada kursus tahun ini yang telah diadakan pada 01 dan 02 Oktober 2018, dengan tema “*Authoritative and Dynamic Board*”, saya juga telah menekankan beberapa perkara termasuklah menstruktur semula atau menggabungkan agensi yang berprestasi lemah (*non-performing*) demi memantapkan fungsi dan peranan anak-anak syarikat Kerajaan. Saya juga telah menekankan isu integriti kepada semua ahli lembaga

pengarah dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing.

## PENJAWAT AWAM

Tuan Speaker,

133. Menyedari betapa pentingnya untuk memenuhi tuntutan rakyat serta komuniti perniagaan dan perdagangan yang menginginkan **perkhidmatan yang lebih efisien dan efektif**, Kerajaan Sabah juga bermatlamat untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam Negeri. Ini termasuklah juga menekankan penyampaian perkhidmatan yang **berintegriti dan mesra pelanggan** selaras dengan slogan dan aspirasi Kerajaan untuk “*Merakyatkan Perkhidmatan Awam*”.

134. Bagi meningkatkan lagi keupayaan, profesionalisme dan kecekapan para penjawat awam, Kerajaan menggalakkan budaya pembelajaran secara berterusan, termasuk menguasai kemahiran-kemahiran baru seiring dengan perkembangan dunia yang begitu dinamik. Saya sendiri secara peribadi telah meminta supaya pada tahun hadapan, biasiswa disediakan untuk menghantar para pejawat awam yang layak dan sesuai untuk melanjutkan pelajaran atau mengikut kursus-kursus jangka pendek ke **pusat-pusat pengajian berprestij dan berprestasi tinggi di luar negara** seperti *University of Cambridge* dan *University of Oxford* di England serta *Harvard University*, Amerika Syarikat. Untuk permulaan, sebanyak **RM9.56 juta** disediakan khusus untuk tujuan tersebut di bawah program **Latihan Dalam Dan Luar**

**Negeri** yang akan diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri pada tahun hadapan.

135. Kerajaan amat menghargai jasa dan sumbangan anggota perkhidmatan awam dalam berbagai bidang yang membantu Kerajaan mentadbir, mengurus dan menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Selaras dengan pengumuman Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Sabah juga bersetuju untuk memberi Pembayaran Khas sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam negeri. Pembayaran khas tersebut akan dibuat serentak dengan pembayaran gaji bulan Disember, 2018. Dengan penghargaan ini, kita mengharapkan perkhidmatan awam selaku jentera pentadbiran Kerajaan akan membawa Sabah ke mercu kejayaan yang lebih cemerlang lagi.

## **PENUTUP**

Tuan Speaker,

136. Pada awal ucapan Bajet 2019 ini, saya telah menekankan betapa pentingnya untuk kita berbelanja mengikut keupayaan berasaskan sumber hasil yang mampu dikutip. Oleh yang demikian, semua pihak perlu mengutamakan pengurusan yang cekap dan mengamalkan disiplin kewangan yang tinggi selaras dengan aspirasi Kerajaan Sabah untuk mengukuh dan memantapkan kedudukan kewangan serta menangani masalah ketirisan dan juga pembaziran. Strategi-strategi mengawal perbelanjaan yang telah digariskan melalui pekeliling-pekeliling Kerajaan yang berkuatkuasa hendaklah dijadikan panduan dalam membelanjakan peruntukan yang telah dirancang untuk tahun 2019.

137. Penekanan Kerajaan kini untuk meningkatkan pendapatan dan hasil awam juga perlu diambil serius oleh semua Kementerian, Jabatan dan Agensi negeri. Usaha mencari, meneroka serta mengutip sumber kewangan awam adalah tanggungjawab dan kewajipan kita bersama. Ini amat penting untuk penyediaan sumber kewangan bagi membolehkan penyediaan perkhidmatan terbaik dan pembangunan kepada rakyat. Semua pihak mempunyai tanggungjawab bersama di dalam usaha membangunkan Sabah yang kita dicintai. Kita semua perlu sedar bahawa tidak ada sesiapapun yang akan membantu Sabah untuk terus maju ke hadapan kecuali rakyatnya iaitu kita sendiri.

138. Secara keseluruhan, Bajet 2019 ini adalah satu daripada suatu instrumen penting dalam menerajui langkah *redressal* agar agensi-agensi penyedia perkhidmatan kritikal menjadi lebih efisien, produktif dan menguntungkan rakyat. Amalan ini akan membuka suatu lembaran baru selaras dengan iltizam Kerajaan kini untuk menanamkan budaya pengurusan yang bersih, cekap dan berintegriti.

139. Dari aspek pembangunan ekonomi, penekanan perlu diberikan kepada usaha membangunkan lebih lanjut sektor-sektor produktif dan strategik. Pelbagai bidang baharu perlu diterokai agar asas ekonomi negeri dapat diperluas dan dipelbagaikan supaya tidak terlalu bergantung kepada ekonomi berasaskan komoditi utama. Dengan hasrat ingin mempercepatkan lagi pembangunan sektor perindustrian, saya berharap struktur ekonomi Sabah akan beralih kepada sebuah ekonomi berasaskan sektor pembuatan, perniagaan dan perdagangan di masa akan datang.

140. Perkhidmatan awam juga hendaklah memainkan peranannya dengan lebih berkesan lagi untuk merealisasikan hasrat Kerajaan untuk bergerak lebih pantas ke hadapan dalam memajukan lagi Sabah yang kita cintai ini. Perlu juga kita akui bahawa sumbangan budaya kerja positif mempunyai peranan yang besar di dalam mengangkat status pembangunan dan martabat bangsa serta ummah.

Tuan Speaker,

141. Dalam hubungan ini, amatlah sesuai dan kena pada waktunya jika saya mencadangkan supaya budaya kerja berorientasikan “*outcome*” dengan pencapaian cemerlang yang diukur melalui ***Key Performance Indicators (KPI)*** ditekankan dalam Perkhidmatan Awam negeri. Selaku pemimpin utama Kerajaan, saya ingin memastikan segala program, projek dan aktiviti pembangunan yang dijalankan, benar-benar memanfaatkan rakyat Sabah. Oleh yang demikian, saya telah meminta Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk mempastikan supaya semua Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawahnya, termasuk juga semua Pihak Berkuasa Tempatan, menyemak semula petunjuk prestasi sedia ada dan menggubal KPI baharu yang bertunjang kepada Manifesto Kerajaan hari ini.

142. KPI ini diwujudkan dengan tujuan meningkatkan kebertanggungjawaban para Anggota Pentadbiran, Wakil-wakil Rakyat dan semua Penjawat Awam dalam merealisasikan hasrat dan aspirasi Kerajaan seperti termaktub dalam 13 teras Manifesto tersebut. Keberhasilan dan faedah program-program pembangunan perlu

disampaikan secara tepat dan berkesan kepada golongan sasar bersesuaian dengan Bidang Utama Keberhasilan agensi masing-masing. Semua KPI baharu yang digubal itu perlu memenuhi prinsip S.M.A.R.T. iaitu “***Smart, Measurable, Achievable, Realistic and Time-bound***”.

143. Bagi memastikan KPI tersebut dilaksanakan secara efisien, Kerajaan Sabah telah mewujudkan **Unit Penyampaian Perkhidmatan** di bawah Jabatan Ketua Menteri. Unit ini akan memantau dan melaporkan pencapaian prestasi perkhidmatan bagi setiap agensi terlibat. Selaku Ketua Menteri, saya sendiri akan menerima laporan dan memantau KPI semua Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah seliaan melalui Menteri masing-masing.

144. Saya menyeru kepada semua Anggota Pentadbiran, Wakil-wakil Rakyat dan semua Penjawat Awam agar berkhidmat dengan azam yang baru, termasuk meningkatkan lagi penguasaan ilmu, kemahiran dan kompetensi diri. Dengan mengamalkan amalan sentiasa ingin belajar dengan mengaplikasikan pengetahuan baru dalam kerjaya, sudah pasti ia akan membolehkan kita membawa transformasi positif yang diharapkan.

145. Akhir kata, saya ingin mengajak Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini, pihak swasta dan semua penjawat awam untuk sama-sama bekerjasama dan berganding bahu merealisasikan harapan, matlamat dan perancangan kita melalui Bajet 2019 ini. Marilah kita sama-sama berdoa kepada Allah SWT supaya segala yang telah

dirancang melalui Bajet Negeri Tahun 2019 ini diberkati dan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan Speaker,

Saya mohon mencadangkan.